TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

BERBAKTI DI ANGKASA

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
DAN
MENTERI PERTAHANAN

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
JENERAL PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
JENERAL ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

YANG BERHORMAT PEHIN DATU SINGAMANTERI KOLONEL (B)
DATO SERI PADUKA HAJI MOHAMMAD YASMIN BIN HAJI UMAR
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL DATO PADUKA SERI HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MD YUSSOF
PEMERINTAH ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

YANG MULIA
BRIGADIER JENERAL (U) DATO PADUKA HAJI MAHMUD BIN HAJI SAIDIN
PEMERINTAH TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

السلام عليكم ورحمة وبركاته

Segala puji-pujian hanya bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat, pengikut-pengikut Baginda yang amanah dan jujur lagi setia sehingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jua maka dapat diusahakan, buat julung-julung kali, buku Tentera Udara Diraja Brunei sejak ianya ditubuhkan lebih dari empat dekad yang lalu.

Dengan penerbitan buku ini dihasratkan ianya dapat mengabadikan catatan perjalanan peristiwa dan detik sejarah yang telah berlaku di Tentera Udara Diraja Brunei sehingga sekarang. Sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan oleh para pengasas-pengasas kita terdahulu dalam membentuk Tentera Udara Diraja Brunei sekarang penting menjadi kenangan abadi bagi generasi yang baru. Buku ini juga mempamerkan beberapa perkembangan dan kejayaan yang telah kita sama-sama kecap hasil dari usaha gigih dan semangat jati seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei dari dulu hingga sekarang.

Dengan terbitnya buku ini juga, diharapkan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei dan pencinta sejarah sebagai bahan rujukan dan ristaan bagi generasi akan datang.

Akhirnya peramba/kaola/saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaaan kepada bekas Pemerintah-Pemerintah dan Pengasas, Pegawai-pegawai, Seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei, Royal Brunei Technical Services sebagai penaja dan Ahli jawatankuasa yang telah memberi sumbangan dan menjayakan penerbitan Buku 'Berbakti Di Angkasa 1966 - 2008'. Semoga usaha serta sumbangan yang ikhlas ini akan mendapat imbalan rahmat, taufik dan hidayat dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

وبالله توفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin
Brigadier Jeneral (U)
Pemerintah

Berbakti

Di Angkasa

1966 - 2008

kandungan

kandungan

Pengenalan	001
Detik permulaan	013
Identiti	079
TUDB di abad ini	089
Kepimpinan	157
Keberangkatan Diraja	167
Perkembangan	205
Warga	249
Warna kebaktian	287
Keluarga	311
Dalam kenangan	323
Mercutanda bersejarah	325
Penghargaan	330

pengenalan

pengenalan

'Berbakti di angkasa' merupakan tiga patah perkataan keramat yang mencerminkan sumbangan seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei di dalam menanai tanggungjawab bersama dalam mempertahankan kedaulatan raja, agama, bangsa dan negara yang tercinta. Sesuai dengan kedudukan ayat tersebut yang diletakkan di tengah-tengah logo Tentera Udara Diraja Brunei, isi kandungannya walaupun ringkas, namun ianya memberi makna yang cukup padat dan mendalam bagi seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei.

Arus perkembangan global menjadi faktor dan cabaran yang bukan mudah diharungi bagi sebuah tentera udara yang masih muda usianya. Tentera Udara Diraja Brunei sejak penubuhannya, menjalani peningkatan dan perkembangan yang berterusan dari masa ke semasa. Penambahan bilangan jumlah anggota jelas menunjukkan perkembangan yang sangat positif. Di samping itu, dengan peningkatan keupayaan aset-aset utama, prasarana dan peralatan teknologinya juga mempermudahkan lagi Tentera Udara Diraja Brunei menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

POLIS

Penerbitan Kertas Dasar Pertahanan dan Pelan Strategik Pertahanan pada tahun 2004 serta Kertas Dasar Pertahanan 2007 kemaskini, Tentera Udara Diraja Brunei kini mempunyai halatuju bagi meningkatkan lagi keupayaan selaras dengan misi dan wawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kementerian Pertahanan. Tentera Udara Diraja Brunei juga telah mengkaji semula keutamaan dari segi perkembangan keupayaan melalui program membentuk tentera udara atau dikenali 'Shaping The Air Force' untuk menjadikannya sebuah tentera udara yang seimbang dan setara dengan tentera udara negara sahabat.

Diplomasi Pertahanan dan Hubungan Dua Hala bukan sahaja memperkenalkan Tentera Udara Diraja Brunei kepada tentera udara negara sahabat malahan ianya memperkukuhkan lagi hubungan erat dan mesra yang sudah lama terjalin. Tentera Udara Diraja Brunei juga sering

kali dikunjungi oleh Ketua-ketua Turus Angkatan Tentera dan Tentera Udara negara sahabat. Selain dari menjadi tuan rumah bagi lawatan, Tentera Udara Diraja Brunei dari masa ke semasa menganjurkan mesyuarat, seminar, latihan dua hala dan pertukaran staf dengan tentera udara negara sahabat.

Penerbangan operasi jarak jauh ketika melaksanakan tugas serantau seperti Operasi Bantuan Kemanusiaan di Aceh, Republik Indonesia, pengangkutan dan menghantar rombongan Pasukan Pemerhati Antarabangsa ke Cotabato, Republik Filipina serta menghantar anggota bagi Kontinjen Misi Pemerhati Aceh ke Aceh, Republik Indonesia jelas menunjukkan tahap profesionalisme, keberanian, ketulusan, kewibawaan dan tanggungjawab anggota-anggota Tentera Udara Diraja Brunei dalam menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan.



Shaping The Force **TODAY**

Defence White Paper Update 2007



TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

Komitmen ini sangat jelas mencerminkan sumbangan bakti yang boleh dibanggakan sekaligus mengharumkan Negara Brunei Darussalam di kaca mata dunia. Ini juga membuktikan keupayaan aset-aset Tentera Udara Diraja Brunei bukan sahaja dapat untuk melaksanakan tugas-tugas dalam negara bahkan juga di peringkat serantau. Dengan memantapkan lagi struktur organisasi, mempelbagaikan keupayaan dan kepimpinan yang bijaksana, Tentera Udara Diraja Brunei akan dapat menjadi sebuah pasukan yang dinamik mengikut perkembangan semasa.

AMDB 101

detik
permulaan

sejarah penerbangan

Lapangan Terbang Anduki

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei



Sejarah penerbangan di Negara Brunei Darussalam kali pertama dicatat pada tahun 1922 apabila sebuah pesawat jenis *seaplane* telah dilihat oleh penduduk tempatan terbang merentasi ruang angkasa daerah Tutong. Oleh kerana pada ketika itu belum ada sebuah lapangan terbang yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, pesawat tersebut hanya merentasi ruang udara negara ini sahaja. Lebih dua abad kemudian, sewaktu dunia berada diambang peperangan, sebuah lapangan terbang yang pertama telahpun dibina oleh pihak tentera Jepun yang berpangkalan di Negara Brunei Darussalam pada ketika itu.





lanya digunakan bagi pengangkutan anggota dan kelengkapan tentera yang diperlukan serta berperanan sebagai daya penghubung di kawasan rantau ini. Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, lapangan terbang tersebut dibina semula oleh pihak kerajaan dan diperkembangkan lagi dengan bertambahnya peningkatan aktiviti-aktiviti penerbangan di negara ini. Walaupun dengan adanya kewujudan infrastruktur dan perkembangan di dalam sektor penerbangan di Negara Brunei Darussalam, namun penubuhan sebuah angkatan tentera udara pada ketika itu masih jauh lagi kerana negara pada ketika itu masih diambang pembangunan dan giat di dalam proses menuju ke arah kemerdekaan.

AMDB

PENUBUHAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Pada tahun 1960, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Paduka Seri Begawan Sultan telah memperkenankan untuk menubuhkan sebuah angkatan tentera di Negara Brunei Darussalam. Pada 31 Mei 1961, dengan secara rasminya diisytiharkan penubuhan Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB) yang pada ketika itu hanya terdiri daripada sebuah rejimen darat sahaja. Namun sebagai usaha bagi melengkapkan lagi keupayaan angkatan tentera di Negara Brunei Darussalam, sebuah seksyen helikopter dan seksyen perahu akhirnya berjaya ditubuhkan pada tahun 1966.

Koleksi keratan Akhbar bulan Mei 1961


Pesawat Sikorsky S62


Pesawat Whirlwind Mk54

SYARIKAT WORLDWIDE HELICOPTERS DAN SEKSYEN HELIKOPTER

Detik permulaan sejarah penubuhan sebuah Tentera Udara di bumi Brunei Darussalam bermula dengan usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan doktor perubatan dan pengangkutan terup melalui udara ke kawasan pendalaman yang tidak dapat dilalui menggunakan kenderaan darat. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei pada ketika itu mula melibatkan diri dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan doktor perubatan melalui udara ke kawasan pendalaman pada tahun 1965 dengan menggunakan dua buah pesawat helikopter Sikorsky S55 yang dikendalikan secara kontrak dari Syarikat Worldwide Helicopters. Setahun kemudian pesawat-pesawat tersebut telah digantikan dengan pesawat helikopter Sikorsky S62.

seksyen helikopter

...tertubuhnya Tentera Udara

Pada 24 Jun 1966, tiga buah pesawat helikopter Whirlwind Mk10 diperkenalkan dengan bantuan tiga juruterbang pinjaman iaitu Mejar Herbert Marshall, Kapten J. Bleadon dan Pegawai Waren 1 Alex Riddoch dari Tentera Udara Diraja British bagi mengambil alih tugas penerbangan daripada Syarikat Worldwide Helicopters.

Ianya merupakan detik permulaan bagi wujudnya sebuah Tentera Udara di Negara Brunei Darussalam. Sebuah Seksyen Helikopter kemudian ditubuhkan di bawah pentadbiran Kompeni Bantu Askar Melayu Diraja Brunei. Sejak dari itu, seksyen tersebut berkembang dari segi keanggotaan dan aset-asetnya.

Pada tahun 1967, Seksyen Helikopter dikenali sebagai Platun Helikopter.

Dari kiri : Kapten R.H Burke, Kapten J.A Bleadon, Mejar H. Marshall



itting the tail rotor is a tricky business. It has to be just right
s it is one of the most vital parts of the helicopter. Here are
ngineer Bill Bradley (centre) with Pte

Engineer Rudi Barnet said he would have the two helicopters ready to fly with
receiving the cases and that was exactly what he and his engineers and soldiers
Brunei Malay Regiment did.

Koleksi gambar pemasangan pesawat Whirlwind Mk10 pada bulan April 1966

operasi menyelamat

...kali pertama

Pada 26 Julai 1967, buat kali pertama Platun Helikopter telah menjalankan tugas mencari dan menyelamat beberapa orang nelayan di kawasan perairan di antara Pulau Pilong-Pilongan dan Berakas dengan menggunakan pesawat helikopter Whirlwind Mk10 dan Wessex Mk54. Anggota-anggota yang terlibat dalam operasi berkenaan adalah Kapten R.H Burke, Kapten J. Bleadon, Sarjan J. Hall dan Soldadu Hamdan bin Amba.

Dalam operasi tersebut, mereka telah berjaya menyelamatkan empat orang nelayan setelah kapal mereka karam di perairan tersebut. Menurut laporan yang dimuatkan di dalam surat khabar Borneo Bulletin keluaran 29 Julai 1967, Soldadu Hamdan bin Amba menyelamatkan dua orang nelayan tersebut pada satu masa dengan menggunakan tali abah-abah (*harness*) dan menaikkan kedua-dua mangsa sekaligus. Ianya merupakan operasi menyelamat beliau yang pertama.



Helicopters save
4 from sea

BRUNEI TOWN. Four men, the crew of a Muara-
fishing boat which sank off the Brunei coast on Wed-
day, owe their lives to a keen-eyed Royal Brunei M
Regiment helicopter pilot who spotted them in the sea

Two of the regiment's helicopters
took part in their dramatic rescue.
Capt R.H. Burke was flying at
1,000ft. on his way back from
Labuan on Wednesday morning
when he thought he saw people in
the sea about three-quarters of a
mile offshore between Berakas and
Pelong Rocks.

He flew lower and discovered
three men struggling to support a
fourth in the long swell.

Despite the swell, he immediate-
landed his float-equipped Whirl-
wind helicopter alongside the men.

Two of them managed to climb
on to his starboard float. The
others were too weak and none had
the strength to climb any further
and reach the helicopter cabin so
Capt. Burke decided the only way
to save them was to taxi ashore on
the water.

Meanwhile, at Berakas Awang
Mohamad bin Othman, a civilian
employed by Worldwide Heli-
copters, had seen Capt. Burke's
Whirlwind suddenly go down on
the sea and raised the alarm.

Capt. J.A. Bleaden, second-in-
command of RBMR's helicopter
flatoon, raced to start up the
egiment's new Wessex and pre-
ared it for a sea rescue.

ed and the four men were
straight to hospital.

Capt. Bleaden has been
RBMR helicopters for mor
a year. Capt. Burke joined
regiment in February. It is
first time any of the regim
helicopters have carried out
rescue at sea although they ha
made many emergency me
flights to villages or jungle
ings.

Helicopter rescues

KUCHING. Service
copters flew rescue missio
three consecutive days last
. On Thursday Pilot Officer M
tin flew a boy suffering
pneumonia from Serian to K
ching, and on Friday
Officer Kelson RAF flew
anak Aandok from Pad
to the hospital, where
birth to a daughter.

On Saturday another
flew Chang Mai Pak
seriously ill from bleeding
giving birth, from Kampo
Lundu district to the

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 29 Julai 1967

E: 20 Cents

escuers dodge trees in mist

RUNEI TOWN. A Royal Brunei Malay Regiment helicopter, flying among the treetops, groped its way igh thick mist for half an hour on Sunday night to find ote Temburong village and save a woman's life.

It was a moonless night and the only way the pilot, Major Herbert Marshall, could find the village Batang Duri — and its small landing zone was to fly up the winding Sungai Temburong from Bangar.

The Wessex helicopter he was flying has powerful landing lights but because of the mist, he had to descend to 100 ft. above the water to find his way. In some places he was flying below the tops of overhanging trees.

The mercy mission began about midnight on Sunday soon after the woman's husband, Angat anak Bana, an Iban, arrived in Bangar by boat and reported to Capt. Mohammad bin Haji Daud, the second-in-command of the RBMR company there, that his wife was having severe difficulties giving birth to twins.

Capt. Mohammad telephoned Major Marshall, OC of RBMR's helicopter platoon, who suggested that the Iban bring his wife, Chumang anak Jalil, to Bangar for evacuation by helicopter.

Major Marshall took off from Berakas for Bangar shortly afterwards with WO I A. Riddoch as co-pilot and RBMR's medical officer, Lt. Col. Dato J. G. Moran; midwife Norma J. Villena and assistant L/Cpl. Zakaria bin Matali as passengers.

When Major Marshall reached there, however, he learned that Batang Duri, the southernmost village in Temburong, was a six-hour boat journey away.

"We didn't think the woman would have much of a chance surviving that long a wait for aid so we decided that if it was humanly possible we would reach Batang Duri," he said at a press conference this week.

"They must have heard us coming," said Major Marshall. "The LZ is a bit small for a Wessex. They lined the edges with flares and torches and guided me in."

Lt. Col. Dato Moran and his assistants found the Iban woman had given birth to one child but was suffering serious complications with the second birth. After giving her emergency treatment they loaded her and her baby into the helicopter and took off.

Major Marshall admitted that even the take-off was hazardous. The landing zone is surrounded by

Royal Brunei Malay Regiment's new Wessex helicopter took part in this week took part in life-saving emergency

After reporters attended a press conference at Camp to hear about the mission, they were shown helicopter rescued two fishermen RBMR airmen on July 26.

Winchman (seen sitting in the door of the helicopter) who did the same job in the display was Sgt. rescue. And the man lowered on a harness to "rescue" him on the ground was L/Cpl dan bin Amba, who re-enacting his part.

picture.

trees and hills. "With we had aboard, we could but the Wessex has a power.

The flight back to Bera only 20 minutes. There Abdul Manan bin Jaya w ing by with an ambulanc rushed the woman and h to the Brunei General H

A caesarian operation formed to deliver the twins but it had already died. The mother and her fa are reported to be well."

Bombs found

SUNGAI BELAIT. — Two war bombs similar to ones dis covered recently in Seria, were found in the yard of a house in the Kuala Belait water tower area.

Police asked the 67th Gurkha Independent Field Squadron for assistance in dealing with them. Capt. Peter Verschoyle carefully unscrewed and identified it.

Because of the danger to nearby houses, it was decided to leave the bombs until the British Army bomb disposal officer in Singapore could be consulted.

The Gurkha sapper was advised to wear U.S. chemical boots if he re-entered the area before the bombs were found to be highly dangerous.

Five give up

KUCHING. — Five starving and sick border guerillas surrendered to security forces near the Indonesia border at the Serikin Sapit, near Padawan, here.

'Baby Helicopter' pulang ka-kampong

BANDAR BRUNAI, Selasa

NAMA-NYA agak ganjil. Nama Inggeris — Baby Helicopter. Usia-nya baharu sa-tahun jagong.

Ada sebab maka nama bagitu ganjil di-beri kapada kanak2 ini.

Dia di-selamatkan oleh sa-buah helikopter.

Bulan Ogos tahun lalu, sa-buah helikopter Tentera Brunai telah melakukan perbangan yang berani di-tengah2 malam yang gelap gulita untuk mendarat di-sa-buah rumah panjang yang terpenchil dalam hutan.

Helikopter itu di-kirim untok mengangkut sa-orang ibu bernama Chumang anak Jalil, berusia 30 tahun, yang sedang sakit tenat kerana hendak

Demikian juga dara kembar Bab Helikopter.

Ayah-nya, Angat anak Bana, berusia tahun, kerani, punyai ibu terpaksa orang Ma kopter pun di-kan di-rumah sakit unto kaki-Banyak orang min kan rumah panjang pon juga mem nya sa-buah angkat. Bab Akhir-nya, di-kirim Helikopter ka-kampong pulang nya.

Khabar-nya, dia sen diri ingin balek kampong halaman-nya sendiri!

Gambar menunjok

Royal Brunei Malay Regiment team which helped save the life of an Iban mother in L Sat/Saturday night was (from left) L/Cpl. Zakaria bin Matali, medical assistant in Major Herbert Marshall, the helicopter pilot; WO I A. Riddoch, his co-pilot; Lt. Moran, RBMR's medical officer; RBMR midwife Norma J. Villena; and L/Cpl. A Manan bin Jaya, ambulance driver. — Bulletin picture.

'BABY HELICOPTER'

Pada 6 Ogos 1967 Platun Helikopter menerima panggilan kecemasan untuk menjalankan tugas pengangkutan memindah seorang pesakit yang sarat mengandung di kawasan Batang Duri, Daerah Temburong. Anggota-anggota yang terlibat dalam operasi berkenaan adalah Leftenan Kolonel Dato J.G. Moran, Mejar Herbert Marshall, Pegawai Waren 1 Alex Riddoch, Bidan Norma J. Villena dan Lans Koperal Zakaria bin Metali. Pesakit dan anak kandungannya beliau telah berjaya diselamatkan serta bayi tersebut dikenali sebagai 'Baby Helicopter'. Laporan mengenai operasi tersebut dimuatkan dalam Surat Khabar Borneo Bulletin keluaran 12 Ogos 1967.

Surat Khabar Borneo Bulletin keluaran 27 Januari 1968, Platun Helikopter sekali lagi menjalankan operasi mencari dan memindah pesakit kanak-kanak yang mengalami kecederaan kepala akibat jatuh dari lereng Bukit Bedawan.

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 12 Ogos 1967

juruterbang tempatan

... perintis

Pada awal penubuhan Platun Helikopter, pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei dikendalikan oleh juruterbang kontrak dari Tentera Udara Diraja British. Usaha untuk melahirkan juruterbang-juruterbang tempatan tercapai pada 14 Ogos 1967, apabila dua orang pegawai tempatan iaitu Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw telah dihantar ke United Kingdom untuk menjalani latihan asas penerbangan helikopter di British Executive Air Services Limited, Kidlington, Oxford.

Setelah menamatkan latihan di United Kingdom, pada tahun berikutnya Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw kemudian menjalani latihan penerbangan menggunakan pesawat helikopter yang terbaru iaitu Bell 206B Jet Ranger di bawah bimbingan Pegawai Memerintah Platun Helikopter pada ketika itu, Mejar Herbert Marshall.

Dalam bulan Mac 1968, dua lagi pegawai tempatan iaitu Leftenan Muda Awangku Hasnan bin Pengiran Ahmad dan Leftenan Muda Abdul Rahman bin Mustapha telah dipilih menjalani latihan asas penerbangan di United Kingdom.

THE BORNEO BULLETIN, May 13, 1967

BRUNEI'S FIRST MALAY OFFICER PILOTS HOPE TO LEARN TO FLY 'COPTERS

Two young officers of the Royal Brunei Malay Regiment are the first Brunei Malays in the army to obtain private pilots licences.

These two, endowed with the charm and a natural modesty have recently proved that determination and discipline are also theirs. In four months of weekend flying they have reached their goal. They aim to qualify as helicopter pilots, since the regiment now possesses four helicopters and hopes to buy more. At present these aircraft are flown by pilots seconded from the Royal Air Force.

Second Lieut. Jock Lin bin Kongpan and Second Lieut. Awangku bin Pengiran Ahmad both 22, born and brought up in Brunei. Jock Lin in Tutong district and Abidin in Brunei Town. They attended the Sultan Melaka until the age of 16 when Jock Lin went to the Government British School in Seria and Abidin to the Sultan Omar Ali Saifuddin College in Brunei Town. Both left school when 18, having taken their General Certificate of Education. Jock Lin went as a trainee foreman in the production department of Brunei Shell Petroleum while Abidin, who had left the Royal Military College, Sandhurst, was commissioned in the Brunei Malay infantry rifle company. They later went to England again to attend the platoon commanders' course at Warminster. After returning to Brunei they took up flying, it being the regiment's policy that Brunei Malay officers should ultimately be trained as pilots.

When an RAF officer at H.Q. 99 Gurkha Infantry Brigade, Squadron Leader Dennis Stoton, A.F.C., initiated flying instruction for about seven British officers in Bolkiah camp nearby, arrangements were made by the regiment for Abidin and Jock Lin to join them. Over a period of four months' weekend instruction they worked hard and flew every minute they could in the Piper Cherokee aircraft made available by the Sabah Flying Club. They heartily acknowledge the dedication, generosity and public-spirited attitude of their instructors and members of the Sabah club in Jesselton, who co-operated so willingly to lend and ferry aircraft and give time to these "extra-boundary" students.

Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad and Jock Lin bin Kongpan are off to England soon to attend a 12-week helicopter course with British Executive Air Services Ltd., of Oxford airport, Kidlington, M.B.

Second Lieuts. Jock Lin (left) and Awangku Abidin.



Lt Muda Ak Abidin dan Lt Muda Jocklin semasa menjalani kursus di United Kingdom

'big john'

KEBAKARAN PELANTAR MINYAK

Pada 6 Januari 1971, Pelantar Minyak Big John yang terletak 40 batu utara Bintulu meletup pada jam 2 pagi. Operasi menyelamat gabungan daripada pesawat Kompeni Minyak Shell, helikopter Chawangan Udara dan KDB Pahlawan Flotilla Pertama telah dikerahkan bagi memberikan bantuan.

Salah sebuah helikopter Chawangan Udara yang diterbangkan oleh Pegawai Waren 1 Alex Riddoch bersama kru juruterbang Sarjan Micheal Bierley dan Sarjan Juned bin Pengarah Haji Untong terbang di atas pelantar tersebut selama 20 minit dalam usaha menyelamat pekerja-pekerja pelantar minyak tersebut. Walaupun menghadapi risiko kebakaran dan letupan gas, namun usaha menyelamat tetap dijalankan yang mana Sarjan Juned diturunkan menggunakan tali abah-abah *(harness)* dan dinaikkan bersama mangsa kebakaran dengan menggunakan cara takal (*winching*).



SATURDAY, 9th JANUARY, 1971.

Borneo Bulletin

CIRCULATION OF ANY NEWSPAPER IN BRUNEI, SABAH AND SARAWAK

The Bulletin and Asia Magazine are supplied freight-free to direct agents. The Borneo Bulletin includes the Asia Magazine, which must not be sold separately. Vol. 19. No. 2.

Fire on the Big John: Three feared dead

BINTULU. — A flash fire aboard the drilling barge Big John, 40 miles north of here, at 2 a.m. on Wednesday killed at least one man and injured 22 others.

Three men are still unaccounted for. One body, burned beyond recognition, was found on board the ship and an intensive air and sea search is going on for the other two men.

At the time of going to press it was not clear how the fire was caused but it is believed to have been a gas explosion on the drilling platform of the Big John.

Most of the crew of 77 jumped into the water after the fire and were picked up by a Shell workboat and launch which were standing-by in the area.

The fire buckled the steel drilling derrick and brought it toppling on to the barge's helicopter platform making it impossible for helicopters to land.

The injured were taken by sea to the drilling platform Sedco Alpha north of the Big John and taken by helicopter to Hospital Panaga at Seria.

A crowd of anxious women gathered at the hospital as the injured were brought in on Wednesday morning.

On Thursday morning one man was reported to be in a critical condition and two others serious. It had still not been established who were the three men who had not been accounted for.

After the fire, all Shell's aircraft were brought into rescue or search operations and two Wessex helicopters of the Royal Brunei Malay Regiment and the regiment's fast patrol boat K.D. Pahlawan were called into the search. A Malaysian air-sea rescue launch is also searching for the two missing men.

However, landas storms and high seas mean that there is little hope of their survival. The drilling platform of the Big John is such a tangle of twisted metal that

See Page 22

The fire-damaged Big John miles north of Bintulu. derrick collapsed in the inte heat. By Wednesday afterno the fire had burned itself Below: A badly burned cr man is wheeled into Hospi Panaga after being rescued helicopter.

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 9 Januari 1971

Oleh kerana keberanian dan kecemerlangan yang telah dipamerkan untuk menyelamatkan mangsa kebakaran, pada 11 Februari 1971, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk mengurniakan bintang Darjah Keberanian Laila Terbilang (DKLT) dengan membawa gelaran 'Dato' kepada Sarjan Juned bin Pengarah Haji Untong. Beliau merupakan Pegawai Tidak Bertauliah Kanan yang pertama sekali di dalam Askar Melayu Diraja Brunei menerima anugerah berkenaan.

Manakala, Pegawai Waren 1 Alex Riddoch telah dikurniakan pingat 'The Air Force Cross' dan Sarjan Micheal Bierley menerima pingat "The Air Force Medal' pada 4 September 1971. Majlis pengurniaan pingat bagi Pegawai Waren 1 Alex Riddoch dan Sarjan MIcheal Bierley telah dikurniakan sendiri oleh Her Majesty Queen Elizabeth II sewaktu lawatan baginda ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Febuari 1972.

Sergeant Dato

BANDAR SERI BEGAWAN. — The helicopter crew member who risked his life to rescue a badly burned man from the Big John drilling barge last month, Sergeant Juned bin Pengarah Haji Untong, of the Royal Brunei Malay Regiment, has been made a dato by Sultan Hassanal Bolkiah.

Sgt. Juned, son of the headman of Kampong Kasat near Bandar Seri Begawan, is the first army non-commissioned officer to be made a dato.

The Sultan conferred the insignia on Sgt. Juned at a private ceremony at the Istana Darul Hana on Thursday morning. After the flash fire (which eventually claimed seven lives) struck the Big John off Bintulu on Jan. 6, RBMR helicopters were called in to help with rescue operations.

A helicopter piloted by W.O. II Alec Riddoch hovered over the stricken vessel for 20 minutes while Sgt. Juned was winched down to the still smouldering deck to rescue the injured man.

Throughout the operation there



Gallantry awards to two airmen

ANDAR SERI BEGAWAN. For gallantry in rescuing dly injured man from the ohn drilling barge when it t fire off Bintulu last Jan. ster Pilot Alex Riddoch, s been awarded the Air Cross and Sergeant Mi- Birley, 36, the Air Force

r Pilot Riddoch, from Scotland, and Ser- irley, from Dartford, e seconded from the r Force to the Royal Malay Regiment, the 1966 and the other

Master Pilot Riddoch took a Wessex helicopter to the rig early on Jan. 6 and was asked to help rescue operations.

Although the rig was still burning and partially obscured by smoke and steam, there was a considerable risk of a second gas explosion and there were strong winds and rough seas, Sergeant Juned bin Haji Utong was still winched on to the rig and the man rescued.

During this time Master Pilot Riddoch had to hover over the rig for 18 minutes and this was described as a "feat of superb airmanship and magnificent teamwork by the helicopter crew during which all three members, well aware of the risks involved and knowing that the helicopter had no chance of survival if there was a second explosion, showed outstanding courage."

The injured man, Mr. Lau San Wee, a Singaporean working for the catering contractor, Yang San San, undoubtedly owed his life to their action, said the citation.

Sergeant D[illegible]ned was awarded by the DKLT by the Sultan of Brunei on Feb. 11.

d Brunei. (General Manager: S. M. Bud)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran kepada Sjn Juned

Keratan Akhbar Borneo Bulletin

lenchana sayap

PENGANUGERAHAN LENCHANA SAYAP PERTAMA

Pada 6 Ogos 1968, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Lenchana Sayap kepada Leftenan Muda Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad dan Leftenan Muda Jocklin bin Kongpaw setelah kedua-dua juruterbang tersebut menamatkan latihan penerbangan selama 150 jam pesawat helikopter Bell 206B Jet Ranger.

Upacara tersebut berlangsung di Istana Darul Hana setelah kedua-dua juruterbang membuat pertunjukan penerbangan lalu menggunakan pesawat helikopter Bell 206B Jet Ranger. Upacara pengurniaan lenchana tersebut adalah titik permulaan pengurniaan Lencana Juruterbang di Negara Brunei Darussalam.

DUA ORANG PEGAWAI AMDB TERIMA "WINGS BADGE"

BANDAR BRUNEI Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah menyampaikan Lenchana Sayap (Wings Badge) kapada dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja dalam satu upachara yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada petang semalam.

Mereka itu ia-lah Lt. Muda Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad dan Lt. Muda Jock Lin bin Kong Paw.

Ini ada-lah buat pertama kali-nya Lenchana Juruterbang Brunei di-hadiahkan.

Pegawai2 itu pada mula-nya telah menerima latehan dengan kapal terbang biasa dan kemudian menghadhiri kursus penerbangan pesawat helikopter di-United Kingdom.

Sa-kembali mereka ka-Brunei, kedua2 pegawai itu telah di-berikan latehan lanjutan dengan menggunakan pesawat helikopter jenis Bell Jet Ranger kepunyaan pasokan itu.

Mereka juga telah lulus ujian penerbangan dan pereksaan dalam ilmu kaji chuacha, navigation dan lain2 mata pelajaran yang berhubong dengan penerbangan.

Major H. Marshal, Pegawai Pemerentah Pasokan Pesawat Helikopter regiment itu juga telah memberikan latehan kapada juruterbang itu.

Kedua2 pegawai itu telah menchapai taraf kechekapan yang tinggi dalam penerbangan sa-kurang2-nya sama dengan taraf juruterbang di-United Kingdom.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu

DUA ORANG PEGAWAI
TERIMA "LENCHANA SA



August 10, 1968.

Royal Brunei Malay Regiment subalterns, 2Lt. Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad (above) and 2Lt. Jock Lin bin Kong Paw, received their pilot's wings badges from Sultan Hassanal Bolkiah in a private ceremony in the Istana Darul Hana, Brunei Town, on Tuesday.

They are the first Brunei officers to win their "wings". Both are now fully qualified to fly the regiment's Bell Jet Ranger.

Their training befan more than a year ago — on conventional light aeroplanes. They then completed a helicopter course in Britain. It included 80 hours' flying training.

On their return to Brunei Major H. Marshall, OC of RBMR's helicopter platoon, gave them another 90 hours' training in flying the Jet Ranger.

They have also passed a flying test and examinations in meteorology, navigation and other aviation subjects at standards at least equivalent to those required in Britain.

Major Marshall, who was present at Tuesday's ceremony in the Istana, has since gone on three months' leave. Capt. J. Bleaden is RBMR's chief pilot in his absence.—Bulletin picture.

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 10 Ogos 1968

Keratan Akhbar Pelita Brunei bertarikh 14 Ogos 1968

chawangan udara

Pesawat Bell 205A-1s

Gambar kenang-kenangan bersama pesawat Bell 205A-1s selepas terbang lalu

...dari platun ke cawangan

Struktur organisasi Askar Melayu Diraja Brunei telah diatur semula pada 31 Disember 1969. Di dalam penyusunan tersebut, Platun Helikopter kemudian dikenali sebagai Chawangan Udara. Chawangan Udara juga disatukan bersama Platun Kejuruteraan Tempur dan Flotilla Pertama untuk menjadi Task Force di bawah perintah Timbalan Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei. Peranan utama Chawangan Udara pada waktu itu adalah sebagai pesawat pengangkutan terup dan memberikan bantuan kepada pertahanan darat. Dalam bulan Januari 1970, Skuadron Pertama yang dikenali sebagai No 1 Skuadron ditubuhkan setelah menerima dua buah pesawat helikopter Bell 205A-1s.

THE BORNEO BULLETIN, February 28, 1970.



This machine, one of the Royal Brunei Malay Regiment's two new Bell 205-A helicopters, has just gone into service. The jet-powered helicopters, which cost $390,000 each, can carry 14 fully armed troops. They replace the Westland Whirlwinds which the regiment sold last year.

The Bell 250-As are civilian versions of the Huey which has become the workhorse of the Vietnam war. They bring the regiment's fleet to six, two Bell Jetrangers and two Wessexes.

next Thursday when men and equipment of 42 Royal Marine Commando Group from Singapore are flown ashore at Panaga from the Commando carrier HMS Bulwark by helicopters of 847 Naval Air Squadron.

During the exercise, which will be directed jointly by Commodore T.W. Stocker, Commander Amphibious Forces, and Brigadier P.J.F. Whiteley, Commander Third Commando Brigade, men of the RBMR will act as enemy to oppose the landing and some will operate beside the Royal Marines as guerillas.

Col. Simpson said: "If the against guerillas, so for that reason we want to be better than guerillas and this exercise will be very good experience."

During the exercise, which ends on Saturday next week, there will be helicopter assaults on Seria, Tutong and Muara and follow-up actions around Labi, Bukit Puan and Bangar.

Motorists may be stopped briefly by police road blocks near Tutong and Telisai bridges on Thursday and Friday, but other than that little inconvenience is likely to be caused to the public.

On Thursday the Sultan and the Seri Begawan will visit the Bulwark. — Bulletin picture.

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 28 Februari 1970

sultan's flight

Pada 26 Januari 1971, pesawat terbang Hawker Siddeley HS 748 telah selamat tiba ke bumi Brunei Darussalam. Pesawat tersebut merupakan pesawat peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, namun ianya juga digunakan bagi memberikan bantuan pengangkutan anggota dan bantuan kecemasan selain peranan utamanya untuk pengangkutan Kerabat Diraja. Oleh kerana itu, Chawangan Udara diamanahkan untuk mentadbir pesawat tersebut. Dalam tahun 1979, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian dengan rasminya ditubuhkan.

Pesawat Hawker Siddeley HS 748 ketika baru tiba di NBD

Dari kiri : Kpt Pg Hasnan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia dan Mej Marshall bergambar kenang-kenangan di hadapan pesawat Bell 206B Jet Ranger

penerbangan jauh

Kpt Alan Hopper dan Kpt Abdul Rahman

Helicopter pilots claim long-distance record

By NIGEL COVENTRY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two Royal Brunei Malay Regiment pilots may have broken three international records for helicopter flying.

Captain Alan Hopper, 28, and Captain Abdul Rahman Mustapha, 30, on Saturday became the first pilots to fly a Bell 212 helicopter non-stop from Singapore to Brunei.

The 762 nautical miles took only 5hrs 28mins — almost an hour faster than expected — and both the distance and time taken may be a record for the type of helicopter.

This week the regiment's Air Wing was waiting for confirmation of take-off time from Seletar airport, Singapore.

Together with the arrival time logged at Brunei international airport tower, the details will be submitted to the International Aeronautics Federation in Paris.

The IAF will then investigate the record claims and announce its findings.

The record flight almost did not get off the ground.

The twin-turbined helicopter was fitted with three fuel tanks and an extra 400 gallons of fuel.

of fuel.

It took two attempts to make the green and white craft airborne and even then it rose sluggishly into the blue morning sky.

Exactly 40 minutes later the Sultan's Hawker Siddeley 748 flew out of Singapore international airport and was soon tailing the helicopter.

(The 748 was fitted with life rafts and other emergency equipment in case the helicopter had to make an emergency landing in the sea.)

The big aircraft was unable to throttle back to the helicopter's speed of 100 knots without stalling, but a tail wind built up to 20 knots and as the helicopter lost weight through fuel consumption both aircraft were able to maintain almost the same cruising speed.

Throughout the journey the helicopter pilots were kept in touch with latest weather reports radioed from the 748 which has radar.

Miri, Sarawak, was the first town seen from 5000 ft and Capt Rahman, turned the helicopter towards Bandar Seri Begawan.

When it landed at the international airport it had 800lb of fuel left, enough for one hour's flying.

When they landed on the Berakas helipad, both pilots were given a champagne welcome by colleagues.

Capt Hopper and Capt Rahman volunteered to fly the Bell 212 to Brunei when they heard it would otherwise be crated and shipped to Muara.

The helicopter parts were made in the United States and assembled in Singapore.

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 06 Oktober 1973

...catatan sejarah

Pada 29 September 1973, Chawangan Udara telah menempa sejarah apabila salah sebuah pesawat helikopter Bell 212 yang pertama telah diterbangkan oleh Kapten Alan Hopper dan Kapten Abdul Rahman bin Mustapha tanpa henti dari Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam. Ianya dipercayai sebagai rekod penerbangan jarak jauh bagi pesawat helikopter Bell 212 pada ketika itu. Jarak perjalanan sejauh 762 batu nautika dan mengambil masa selama 5 jam 28 minit. Pesawat terbang Hawker Siddeley HS 748 mengiringi perjalanan tersebut bagi tujuan keselamatan.

juruterbang PTB Kanan

PENINGKATAN JURUTERBANG TEMPATAN

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi bilangan jumlah juruterbang tempatan, sebuah skim telah diperkenalkan di Chawangan Udara. Melalui skim tersebut, pengambilan juruterbang tidak terbatas hanya kepada peringkat pegawai sahaja malah ianya juga dibukakan kepada Pegawai Tidak Bertauliah Kanan (PTB Kanan) yang bertugas sebagai kru pesawat. Setelah menjalani pemilihan dan latihan penerbangan asas, Chawangan Udara akhirnya berjaya menghasilkan beberapa orang juruterbang melalui skim berkenaan.

Dalam tahun 1970an, Pegawai Waren 1 Harun bin Ajis, Pegawai Waren 1 Zulkifli bin Haji Awang Besar,

Lt Ishak dan LKpl Ak Zainal selepas membuat tugas menyelamat

Staf Sarjan Haji Mahmud bin Haji Pauji, Staf Sarjan Haji Mohd Shahdon bin Haji Mohd Salleh, Staf Sarjan Mahdeli bin Idris, Staf Sarjan Haji Ishak bin Zainal dan Sarjan Pengiran Haji Alli bin Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim adalah di antara juruterbang-juruterbang Pegawai Tidak Bertauliah Kanan yang telah berjaya. Berpandukan kepada kebolehan mereka beroperasi, beberapa orang diantaranya telah dinaikkan pangkat menjadi Pegawai. Ini merupakan salah satu peristiwa yang bersejarah dalam bidang penerbangan di Tentera Udara Diraja Brunei sehingga ke hari ini. Sejak peristiwa tersebut, kebolehan dan kemahiran juruterbang-juruterbang tempatan di Chawangan Udara semakin meningkat.

Gambar atas : Taklimat penerbangan yang dihadiri oleh PW1 Harun

Gambar bawah : PW1 Harun membuat latihan asas penerbangan di Sabah

PENUBUHAN UNIT PAYUNG TERJUN PEMBEKAL UDARA TAKTIKAL

Pada tahun 1978, Chawangan Udara telah menubuhkan sebuah unit payung terjun yang dikenali sebagai Unit Payung Terjun Pembekal Udara Taktikal (UPTPUT). Unit ini bertanggungjawab untuk menjalankan latihan asas dan lanjutan penghantaran bekalan hutan dari pesawat dan latihan payung terjun.

Kpt Mat Limin bersama anggota UPTPUT sewaktu memenangi perlawanan payung terjun di Berakas Garison

Anggota UPTPUT sewaktu perlawanan payung terjun di Luar Negara

Kpt Mat Limin mengetuai anggota UPTPUT menjalani latihan penerjunan di Taman SOAS

SLPA

Lt Napiah bersama pesawat Piper Cherokee

PENUBUHAN SEKOLAH LATIHAN PENERBANGAN ASAS

Pada tahun 1978, Sekolah Latihan Penerbangan Asas (SLPA) telah ditubuhkan dan dilengkapi dengan dua buah pesawat latihan Piper Cherokee PA-28 140 dan 180. Latihan penerbangan pada masa tersebut dikendalikan oleh Mr Warren Gengos, jurulatih penerbangan awam dari Australia.

Bangunan SLPA yang kemudian dikenali sebagai No 3 Skn

PENUBUHAN LATIHAN TEKNIKAL DAN PENGAJIAN PENERBANGAN

Pada tahun 1979, Chawangan Udara telah menubuhkan sebuah lagi unit untuk melahirkan teknisyen tempatan yang dikenali sebagai Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan (LTPP) di bawah perintah Mejar T. Potts.

Kpt Alipah memberikan penerangan teknikal peralatan pesawat

no 2 skn

Mej Ishak bergambar bersama kru semasa menjadi Peg Mem No 2 Skn

Juruterbang membuat demonstrasi penerbangan

PENUBUHAN NO 2 SKUADRON

Skuadron Kedua yang dikenali sebagai No 2 Skuadron telah ditubuhkan dalam tahun 1981. Skuadron ini dilengkapi dengan pesawat helikopter Bolkow BO 105 atau Messerschmitt-Bölkow-Blohm (MBB).

SLPA MENJADI NO 3 SKUADRON

Pada tahun 1982, skuadron yang berperanan untuk melatih juruterbang yang dikenali sebagai Sekolah Latihan Penerbangan Asas (SLPA) telah ditukar nama menjadi No 3 Skuadron/ Sekolah Latihan Penerbangan (SLP). Skuadron ini dilengkapi dengan pesawat latihan baru iaitu Siai Marchetti SF 260W yang menggantikan pesawat latihan lama Piper Cherokee PA-28 140 dan 180 dan pesawat helikopter Bell 206B Jet Ranger yang dipindah dari No 1 Skuadron.

Mej Mahmud memberi penerangan kepada Lt Muda Mohd Azmi dan Lt Muda Mohis

Lt Muda Kamaluddin, Lt Muda Lusir, Lt Muda Jofri, Lt Muda Zulkifli dan Lt Muda Ali semasa menjalankan latihan asas penerbangan pesawat Marchetti

Dari kiri : Kpt Johar, Kpt Bahar, Lt Muda Wardi dan Mej Hj Mahmud

ABDB128
ABDB130

pegawai pemerintah

...anak tempatan pertama

Dalam tahun 1982, satu detik bersejarah telah berlaku di Chawangan Udara. Ianya adalah titik permulaan bagi cawangan ini mempunyai Pegawai Pemerintah dari anak tempatan apabila Kolonel Cheshire menyerahkan tampuk kepimpinan Chawangan Udara kepada Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad. Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Abidin bin Pengiran Ahmad adalah salah seorang pegawai tempatan yang boleh dianggap sebagai perintis di dalam sejarah Tentera Udara Diraja Brunei dan beliau merupakan Pegawai Pemerintah tempatan pertama bagi Chawangan Udara.

TENTERA UDARA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Setelah pengisytiharan Hari Kemerdekaan pada tahun 1984, Chawangan Udara kemudian ditukar nama menjadi Tentera Udara ABDB di bawah perintah Pemerintah *Task Force* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

TEMD

Gambar kenang-kenangan Pegawai-pegawai dan anggota Kejuruteraan No 1 Skn bersama anggota TEMD

...TEMD diperkenalkan

Dalam tahun 1986, Jabatan Pemeliharaan Peralatan Teknikal (TEMD) telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab pemeliharaan pesawat barisan kedua dan ketiga dari Syarikat Worldwide Helicopters. Ia merupakan kejayaan besar dan perkembangan positif dalam meningkatkan penghasilan teknisyen tempatan.

juruterbang jet pejuang

...perintis tempatan

Dalam tahun 1988, projek jet pejuang telahpun diumumkan melalui media dan pengiklanan bagi mencari bakal juruterbang jet pejuang telah dilancarkan. Selain dari mencari bakal juruterbang yang baru, Chawangan Udara pada masa itu juga merancang untuk menghantar beberapa juruterbang yang sudah ada bagi projek tersebut. Mejar Mahmud bin Haji Saidin merupakan juruterbang yang pertama dihantar ke Royal Air Force Valley, Angllesey bagi menjalani kursus *Advance Flying Training* menggunakan pesawat Hawk pada tahun 1989.

Leftenan Zulkifli bin Haji Nayan dan Leftenan Wardi bin Haji Abd Latif merupakan kumpulan kedua bagi menjalani kursus *conversion* menggunakan pesawat Jet Provost Mk5A di Royal Air Force Linton pada tahun 1989.



Gambar atas : Lt Sallehin, Lt Abd Malek, Lt Muda Morris dan Lt Muda Hamzah bergambar di hadapan pesawat MK 5A

Gambar bawah: Lt Muda Hamzah membuat pemeriksaan pesawat sebelum penerbangan

Tiga Pegawai Kadet iaitu Pegawai Kadet Awangku Haji Ishak bin Pengiran Haji Abas, Pegawai Kadet Hamzah bin Sahat dan Pegawai Kadet Morris bin Jamin@Thomas yang baru saja menamatkan kursus Kursus Asas Pegawai pada tahun 1989 telah menjalani kursus *Primary Flying Training* bersama dengan 130 Skuadron dari Tentera Udara Republik Singapura di Seletar Air Base, Republik Singapura. Setelah menamatkan kursus tersebut, Leftenan Muda Hamzah bin Haji Sahat dan Leftenan Muda Morris bin Jamin@Thomas bersama dengan Leftenan Mohd Sallehin bin Haji Mohd Taib dan Leftenan Muda Abd Malek bin Haji Kamis menjadi kumpulan ketiga yang dihantar untuk menjalani kursus *Basic Flying Training* menggunakan pesawat Jet Provost MK5A di Royal Air Force Cranwell.

Manakala, Leftenan Muda Awangku Haji Ishak bin Pengiran Haji Abas pula telah menjalani kursus *Advance Flying Training* bersama dengan 150 Skuadron dari Tentera Udara Republik Singapura.

Leftenan Mohd Sallehin bin Haji Mohd Taib, Leftenan Abd Malek bin Haji Kamis, Leftenan Hamzah bin Sahat dan Leftenan Morris bin Jamin@Thomas telah menghadiri kursus *Advance Flying Training* di Royal Air Force Valley. Setelah menamatkan kursus tersebut, Leftenan Mohd Sallehin bin Haji Mohd Taib, Leftenan Abd Malek bin Haji Kamis dan Leftenan Hamzah bin Sahat telah menghadiri kursus *Tactical Weapon Unit* di Royal Air Force Chivenor, Devonshire pada tahun 1991.

Dalam tahun 1992, seramai enam juruterbang tempatan yang berjaya menjadi juruterbang jet pejuang.

ATU DB

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Kawalan Diraja

Mej Rosli mengetuai rombongan Kawalan Panji-panji ATU DB

...Tentera Udara ABDB menjadi ATU DB

Pada 01 Oktober 1991, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tentera Udara ABDB secara rasminya menjadi Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATU DB).

Pada bulan April 1996, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei telah menerima Panji-Panji Diraja dan Pasukan serta menggunakan pakaian seragam yang tersendiri berwarna biru. Pakaian yang berwarnakan biru jelas menunjukkan identiti sebagai tentera udara sama seperti tentera udara negara sahabat. Upacara yang penuh bersejarah ini telah berlangsung di Penanjong Garison. Leftenan Kolonel Dato Paduka Ibrahim bin Haji Mohammad merupakan Pegawai Pemerintah Tentera Udara ABDB yang terakhir dan Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang pertama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menganugerahkan Panji-panji Diraja dan Pasukan

Koleksi gambar semasa Penganugerahan Panji-panji

Kawalan Diraja semasa Penganugerahan Panji-panji Diraja dan Pasukan

memimpin ABDB

PEGAWAI ATU DB DIPERKENANKAN MENJADI PEMERINTAH ABDB

Brigadier Jeneral (U) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad mengambil alih kepimpinan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei sejak tahun 1993 dari Leftenan Kolonel (U) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad. Dengan Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beliau telah dinaikkan pangkat ke Mejar Jeneral dan kemudian dilantik menjadi Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam tahun 1997.

Beliau menyerahkan semula tampuk kepimpinan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei kepada Kolonel (U) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad. Mejar Jeneral (U) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad merupakan Pegawai Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang pertama memegang jawatan berkenaan dan merupakan satu sejarah serta kebanggaan seluruh warga Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei hingga ke hari ini.

Mej Jen (U) Pg Dato Paduka Seri Hj Abidin memeriksa perbarisan yang diketuai oleh Kpt (U) Mohd Sharif

PENUBUHAN UNIT-UNIT DI ANGKATAN TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

Pada 15 Jun 1990, Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan ditukar nama sebagai Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU). Skuadron Kejuruteraan telah diserapkan ke dalam struktur organisasi Cawangan Logistik. Seterusnya, sebanyak tiga buah skuadron kejuruteraan ditubuhkan dan dikenali sebagai Kejuruteraan No 1 Skuadron, Kejuruteraan No 2 Skuadron dan Kejuruteraan No 3 Skuadron.

Pada 24 Mac 1995, Bateri Pertahanan Udara (BPU) dikenali sebagai Skuadron Pertahanan Udara (SPU) setelah rasmi menjadi salah sebuah unit di dalam Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.



Majlis Penyerahan Bateri Pertahanan Udara

peningkatan keupayaan

...penerimaan pesawat PC-7 Mk II

Pada 6 Mac 1997, No 3 Skuadron dilengkapi dengan pesawat latihan baru Pilatus PC-7 Mk II untuk latihan asas penerbangan dan juga lanjutan penerbangan jurusan pesawat tempur.

Timbalan Menteri Pertahanan hadir semasa perasmian pesawat Pilatus PC-7 Mk II

...penerimaan pesawat Blackhawk dan CN 235

Untuk mengukuhkan lagi struktur organisasi, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei telah menubuhkan dua buah lagi skuadron penerbangan iaitu No 4 Skuadron yang dilengkapi dengan pesawat helikopter Blackhawk S-70A dan No 5 Skuadron yang dilengkapi dengan pesawat terbang CN 235 pada 12 September 1997.

Sebaik sahaja penubuhan dua buah skuadron penerbangan berkenaan, Cawangan Logistik juga turut menubuhkan dua buah lagi skuadron kejuruteraan untuk pemeliharaan pesawat-pesawat baru tersebut. Skuadron yang dikenali Kejuruteraan No 4 Skuadron dan Kejuruteraan No 5 Skuadron kemudian ditubuhkan.

Majlis Menandatangani penyerahan kedua-dua jenis pesawat

Kru pertama pesawat CN 235

Mej U) Hamid dan Mej (U) Shahril Anwar bersama pesawat Blackhawk semasa baru tiba di NBD

Timbalan Menteri Pertahanan menyampaikan sijil penubuhan No 5 Skn kepada Mej (U) Hj Sharifuddin

...penubuhan Rejimen Udara

Pada 4 Januari 1999, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei telah menerima sistem pertahanan udara baru yang dikenali sistem Mistral dan dari itu juga sebuah skuadron pertahanan yang baru telah ditubuhkan. Seterusnya, penyusunan semula struktur organisasi Rejimen Udara telah berlaku dan kini mengandungi dua buah skuadron pertahanan udara.

Skuadron Pertahanan Udara kini ditukar nama menjadi No 33 Skuadron bagi memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei ke-33. Skuadron ini dilengkapi dengan sistem pertahanan udara jarak dekat iaitu sistem Rapier. No 38 Skuadron ditubuhkan sempena dengan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke-38. Skuadron ini dilengkapi dengan sistem pertahanan jarak paling dekat iaitu sistem Mistral. Manakala, Skuadron Pertahanan Pangkalan diserapkan ke dalam organisasi Rejimen Udara dan ditempatkan di Berakas Garison sebelum berpindah ke Pangkalan Tentera Udara Rimba.

'GATE GUARDIAN'

Pada 20 Februari 2002, satu lagi peristiwa yang signifikan berlaku di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Pesawat helikopter Bell 205A-1s yang merupakan pesawat tertua di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan sudah tidak beroperasi dijadikan sebagai tugu peringatan dan didirikan berdekatan pintu masuk utama Pangkalan Tentera Udara Rimba. Tugu peringatan ini dikenali sebagai 'Gate Guardian'. Semua juruterbang dan kru yang pernah mengendalikan pesawat tersebut telah dijemput hadir bagi menyaksikan peristiwa bersejarah itu.



THURSDAY 21 FEBRUARY 2002 Homepage

Rare palindrome marks Gate Guardian launch

By Reyna

A CEREMONY to officiate the "Gate Guardian" of the Royal Brunei Air Force (RB Air Force) Base took place yesterday, coinciding with a rare time symmetry.

The ceremony was officiated by the Acting Commander of RB Air Force Col. (U) Hj Mahmud Hj Saidin at 20.02 hrs on 20.02.2002.

Reading the same backwards and forwards, this time and date forming a rare triple palindrome, happened the last time on the morning of November 11, in the year 1111. It would happen again 110 years later on December 21, 2112at 21.12 hrs.

The construction of the Gate Guardian, which is an old aircraft of the RB Air Force of Bell 205, started late October last year and was completed in January 2002.

The Gate Guardian is an inspiration from Acting Commander of Royal Brunei Air Force, Lt. Col. (U) Hj Shariffudin.

Also present at the event last night were representatives from the Royal Brunei Navy, Directorate of Development and Works Services and Royal Brunei Technical Services who contributed much in constructing the Gate Guardian.

Aircraft Bell 205A1 came into service in the Air Wing of the Malay Regiment in early January of 1970.

The aircraft was bought from Bell Fort Worth, Texas for a sum of $900,000 each, where it was place into service to replace two other aircraft, the Westland Whirlwind, which were in use since the establishment of the regiment.

Some of the uses of the aircraft includes Royal Transportation, transportation of troops and equipment, search and rescue and casualty evacuation.

The first local pilot to fly the aircraft was Lt. Ak. Abidin Pg. Ahmad, who is now known as Major General (B) Pg. Dato Paduka Seri Hj Abidin and Lt. Jock Lin, who is now known as Col. (B) Dato Seri Laila Jasa Jock Lin.

The last time the aircraft was flown was on September 14, 1980.

Currently the aircraft is being used to groom the new Technicians at the Air Technical Training School, Training Wing, Berakas.

Majlis Perasmian 'Gate Guardian' yang turut dihadiri oleh kru terakhir yang pernah menerbangkan pesawat Bell 205A-1s

PANGKALAN TENTERA UDARA RIMBA

Dalam tahun 1998, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei menerima pangkalan sendiri yang dinamakan Pangkalan Tentera Udara Rimba (PTU Rimba). Kebanyakan cawangan dan unit yang dahulunya berpangkalan di Berakas Garison telah berpindah ke pangkalan tersebut kecuali Cawangan Latihan yang masih menetap di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Rejimen Udara menetap di Penanjong dan Berakas Garison.

Dalam tahun yang sama, satu majlis bagi memperingati sejarah perpindahan ke pangkalan baru telah diadakan. Senarai semua peringkat dan kakitangan awam yang berkhidmat di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei telah ditanam di hadapan pintu masuk utama Pangkalan Tentera Udara Rimba sebagai salah satu sejarah dan kenangan bagi semua peringkat dan kakitangan awam pada ketika ini sama ada yang masih berkhidmat atau yang sudah bersara.

Timbalan Menteri Pertahanan merasmikan PTU Rimba pada tahun 1998

Pemandangan dari udara sebahagian kawasan PTU Rimba pada tahun 1998

operasi bersama

Koleksi gambar anggota ATU DB semasa menjalankan operasi mencari dan menyelamat

OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT

Dalam tahun 2004, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei telah memberikan khidmat bantuan dalam gerakan mencari dan menyelamat di kawasan Bario, Sarawak. Aset-aset Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang terlibat dalam operasi tersebut ialah pesawat helikopter Blackhawk S-70A dan Bell 212.

Aset-aset TUDB semasa baru tiba di Bario, Sarawak

askar wanita

Pada 01 Januari 2005, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dikenali sebagai Tentera Udara Diraja Brunei. Dalam tahun yang sama, semasa menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke-44, semua peringkat askar wanita yang berkhidmat di Tentera Udara Diraja Brunei telah rasmi memakai pakaian seragam berwarna biru dan dikenali sebagai Askar Wanita Tentera Udara Diraja Brunei.

Askar Wanita TUDB semasa Perasmian Pakaian Seragam sempena HUT ABDB ke-44

Pakaian seragam lama Askar Wanita TUDB

Dari kiri : Mej Roszeda, Mej Pg Mas Rashidah dan Kpt Asma Shukriah

Kpt Haslinda ketika membuat pemeriksaan gigi pesakit

LKpl Fauziah Atikah membuat pemeliharaan 500 jam

khidmat sumbangan

OPERASI BADAI BERLALU

Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah dimandatkan sebagai pemudah cara bagi pengangkutan dan penyaluran bantuan kemanusiaan ke Aceh, Republik Indonesia. Pada 12 Januari 2005, seramai 42 orang anggota termasuk tentera dan awam telah berlepas bagi misi bantuan kemanusiaan ke Aceh, Republik Indonesia. Rombongan terdiri daripada 36 orang tentera dari Tentera Udara Diraja Brunei dan Perkhidmatan Bantu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta 08 orang awam dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Rombongan tersebut telah diketuai oleh Mejar (U) Shahril Anwar Bin Haji Ma'awiah. Rombongan bertolak ke Aceh, Republik Indonesia melalui Pangkalan Tentera Udara Rimba dengan menggunakan 02 buah pesawat helikopter Blackhawk S-70A dan pesawat terbang CN 235. Penerbangan ke Aceh, Republik Indonesia merupakan penerbangan operasi jarak jauh yang pertama kali dijalankan oleh Tentera Udara Diraja Brunei.

Mej (U) Shahril Anwar mengetuai rombongan bersalaman sebelum bertolak ke Aceh.

PW1 (U) Rahman mengagihkan bantuan kepada mangsa Tsunami

Medan dijadikan *Staging Base* bagi penyaluran dan pengagihan barang-barang bantuan dan Sabang dijadikan sebagai Pangkalan Operasi Hadapan bagi pesawat dan anggota. Pesawat helikopter Blackhawk S-70A digunakan bagi pengangkutan anggota dan barang-barang bantuan. Manakala, pesawat terbang CN 235 digunakan bagi penghantaran barang-barang bantuan kemanusiaan dari Medan ke Sabang.

Jumlah keseluruhan masa penerbangan semasa operasi tersebut dijalankan bagi pesawat helikopter Blackhawk S-70A sebanyak 145 jam manakala bagi pesawat terbang CN 235 sebanyak 99 jam.

Kru pesawat CN 235 dan anggota TNI bekerjasama memindah barang-barang bantuan

PW1 (U) Rahman turut membantu memindahkan pesakit menaiki pesawat blackhawk

Memunggah barang bantuan di Hangar Maimun Salleh, Sabang - Sjn (U) Pg Md Kadri dan Sjn (U) Edini bersama anggota TNI AU

Kru pesawat Blackhawk dan Pegawai Perubatan ketika memindahkan barang logistik ke dalam pesawat

Kpl (U) Mahdini mengagihkan gula-gula kepada anak-anak penduduk tempatan

Turut berganding bahu menjalankan tugas semasa di Aceh – Dari kiri, Kpt (U) Matyussof Kpl (U) Mahdini dan Mej (U) Shahril,

Keadaan penumpang dan muatan di dalam pesawat CN 235 ketika baru bertolak ke Aceh

Sjn (U) Zulkiffli beramah mesra bersama kanak-kanak tempatan di Aceh

tugas serantau

PASUKAN PEMANTAU ANTARABANGSA

Pada tahun 2005, Tentera Udara Diraja Brunei telah memberikan khidmat bantuan dalam pengangkutan rombongan Pasukan Pemantau Antarabangsa Negara Brunei Darussalam ke Cotabato, Mindanao Republik Filipina dengan menggunakan pesawat terbang CN 235. Di samping itu, Tentera Udara Diraja Brunei juga memberikan pendedahan kepada anggotanya, dengan turut serta menghantar anggotanya untuk mewakili rombongan Pasukan Pemantau Antarabangsa tersebut. Sehingga ke hari ini, seramai enam orang anggotanya pernah mewakili Pasukan Pemantau Antarabangsa.

Lt (U) Razanol disampaikan 'Arm Band' Pasukan Pemantau Antarabangsa Negara Brunei Darussalam

PW1 (U) Adis bersalaman dengan Jen Esperon Jr, Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Republik Filipina

PW2 (U) Hj Ibrahim bersalaman dengan SUT KEMENTAH

PW1 (U) Hj Adis bersama Pasukan Pemantau Antarabangsa NBD ke-3 membaca doa sebelum berangkat ke Cotabato, Republik Filipina

menabur khidmat

MISI PEMERHATI ACEH

Dalam tahun 2006, Tentera Udara Diraja Brunei telah memberikan khidmat bantuan bagi Misi Pemerhati Aceh dengan menghantar anggotanya untuk menyertai rombongan Negara Brunei Darussalam. Seramai empat orang pegawai Tentera Udara Diraja Brunei terpilih untuk melaksanakan tugas yang telah dimandatkan selama enam bulan yang dikelolakan oleh Persatuan Eropah.

Koleksi gambar semasa Majlis Menghantar dan Penyampaian Sijil Penghargaan selepas melaksanakan Misi Pemerhati Aceh

Keratan Akhbar Borneo Bulletin bertarikh 24 Disember 2006

BORNEO BULLETIN, SUNDAY 24 DECEMBER 2006

Sunday CITYUPDATE

CN235 DEPLOYED TO AIRLIFT BRUNEIAN GIRL FROM SANDAKAN

A 14-YEAR-OLD Bruneian girl was Friday airlifted from Sandakan to Brunei by a Royal Brunei Air Force (RBAirF) CN235 transport aircraft, after the girl was critically injured in a road traffic accident with a lorry, a press release stated yesterday.

The girl and her family were headed to Sandakan, Sabah, for a holiday.

Immediately after the accident, the patient was rushed to the Beluran Hospital and later to Sandakan Hospital for immediate medical care.

Once news of the accident reached Brunei Darussalam, the Ministry of Health - in collaboration with the Ministry of Defence (MINDEF) - initiated a medical evacuation plan to get her home for further medical care at RIPAS Hospital.

However, doctors had to ensure her condition was stable enough to be airlifted before a medical evacuation mission could be launched, a press release from the Ministry of Defence stated.

A crew of three pilots and three Load Masters from RBAirF, together with an ICU specialist and two nurses from RIPAS Hospital departed from Brunei at 8.15 am

The medical team then proceeded to the Sandaka Hospital ICU, a 30-minute drive from the airport, t complete the required medical procedures before airlifting the patient.

These procedures took about three hours and the patient was safely transferred to the aircraft at 1.20 pm.

All efforts were made by both the aircrew and medical team to ensure the flight was expeditious and comfortable for the patient.

The aircraft landed in the country at 2.35 pm and minutes later the patient was rushed to the RIPAS Surgical ICU.

The patient is still sedated on a life-support machine (ventilator), inotropic support and may require renal support (haemodialysis).

This medical evacuation (MEDEVAC) mission was conducted by five RBAirF Squadron, but was not the first as numerous MEDEVAC missions were flown whilst on deployment in Aceh, Indonesia during the tsunami humanitarian relief operation which ran from January to February 2005.

This was, however, the first MEDEVAC mission whereby five Squadron had to airlift a Bruneian casualty

OPERASI 'MEDICAL EVACUATION'

Pada bulan Disember 2006, Tentera Udara Diraja Brunei telah memberikan khidmat bantuan dalam operasi memindah mangsa kecederaan akibat kemalangan jalanraya dari Sandakan, Sabah ke Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan pesawat terbang CN 235.

curahan bakti

Koleksi gambar penglibatan anggota TUDB semasa memberikan bantuan

SSjn (U) Arman menentukan tugas dijalankan dengan lancar



Operasi Gerakan Bantuan Bersepadu dilancarkan

Oleh Azmerul Haji Haris & Haji Minor Absah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu – Operasi Gerakan Bantuan Bersepadu yang dilancarkan serta merta sejurus kejadian hujan ribut angin kencang yang melanda sekitar ibu negara kelmarin berjalan dengan lancar sehingga lewat hari ini.

Operasi yang menggabungkan beberapa agensi kerajaan dan juga swasta itu dijalankan selama 24 jam dengan matlamat utamanya iaitu memulihkan keadaan kediaman yang terjejas secepat mungkin.

Dalam kejadian hujan ribut angin kencang kelmarin itu sebanyak 192 buah rumah dikenal pasti terjejas teruk dan memerlukan pembaikan dan pemulihan secepatnya.

Antara yang meninjau Operasi Gerakan Bantuan Bersepadu pada hari ini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pehin Haji Adanan Haji Mohd Yusof serta Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri Pehin Haji Yahya Haji Abu Bakar.

Tinjauan adalah bagi memantau Operasi Gerakan Bantuan Bersepadu yang digerakkan bermula dari pusat utama iaitu Balai Bomba dan Penyelamat, Kampung Sungai Lampai berjalan seperti yang dirancang.

Dalam tinjauan berkenaan, kedua-dua menteri itu diberikan taklimat ringkas keseluruhan operasi oleh Pemangku Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat yang juga Pemangku Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Awang Yahya Haji Abdul Rahman.

Operasi melibatkan lebih dari 500 anggota yang terdiri daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Jabatan Penjara, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Elektrik, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kampung dan banyak lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya meninjau sendiri operasi pembaikan dan pemulihan yang dijalankan hari ini di sekitar Kampung Pekilong Muara dan Setia Pahlawan.

identiti

logo

CHAWANGAN UDARA

1966 - 1983

TENTERA UDARA ABDB

1984 - 1990

ANGKATAN TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

1991 - 2004

Mahkota melambangkan sebuah organisasi yang dikurniakan gelaran Diraja. Ianya juga menunjukkan Tentera Udara Diraja Brunei taat setia kepada raja dan negara.

Bulan Sabit melambangkan simbol islam, agama rasmi negara. Ianya menunjukkan tugas dan tanggungjawab Tentera Udara Diraja Brunei untuk memelihara dan mempertahankan agama yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Didalamnya juga mengandungi tulisan jawi "Berbakti Di Angkasa" yang menjadi moto seluruh warga dalam memelihara kepentingan negara melalui udara.

Sayap melambangkan sebuah organisasi yang berhubung kait dengan tugas di udara.

Keris menunjukkan senjata tradisi bangsa melayu. Ianya juga melambangkan tugas dan peranan Tentera Udara Diraja Brunei dalam pertahanan dan kepentingan negara.

Sayap dan Keris melambangkan sebuah organisasi tentera udara.

Roundel melambangkan misi dan objektif. Tiga warna pada *roundel* menunjukkan tiga bahagian misi dan objektif yang berbeza. Warna biru menunjukkan misi dan objektif Tentera Udara Diraja Brunei, warna merah menunjukkan misi dan objektif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan warna putih menunjukkan misi dan objektif Negara Brunei Darussalam.

Padi melambangkan sumber bumi dan kekayaan negara yang sentiasa dilindungi.

lencana

Lenchana Sayap yang digunakan sebelum tahun 1991

Lencana Juruterbang yang digunakan selepas tahun 1991

Lencana Payung Terjun Bebas

Lencana Anak Buah Pesawat

Lencana Jurubuang

pangkat

Marsyal Tentera Udara

Jeneral

Mejar Jeneral

Brigadier Jeneral

Pegawai Kadet

Leftenan Muda

Leftenan

Kapten

Mejar

Leftenan Kolonel

Kolonel

Pegawai Waren 2

Pegawai Waren 1

Sarjan Mejar TUDB

Lans Korperal

Korperal

Sarjan

Staf Sarjan

pakaian seragam

Koleksi gambar menunjukkan pakaian seragam yang pernah digunakan

Koleksi gambar menunjukkan pakaian seragam yang digunakan sekarang

NUR DIYANAH

TUDB
di abad ini

Menyediakan Kuasa Udara dalam Pertahanan Negara Brunei Darussalam Dan Kepentingannya

Memelihara Ruang Udara Negara

Tentera Udara Diraja Brunei memberikan keupayaan ini melalui sistem pertahanan udara jarak dekat iaitu Rapier dan sistem pertahanan udara jarak paling dekat iaitu Mistral. Lapisan strategik negara yang terhad jelas memerlukan keupayaan yang cepat untuk menghalang pencerobohan ruang udara. Sistem pertahanan Tentera Udara Diraja Brunei juga menggunakan bantuan maklumat pemantauan dari Jabatan Penerbangan Awam.

Pesawat Blackhawk digunakan untuk memindah sistem Rapier

TUDB
501

Memantau Sempadan Pentadbiran dan Perairan Negara

Rondaan sempadan pentadbiran negara dijalankan menggunakan pesawat helikopter Bolkow BO 105. Manakala, rondaan perairan negara dijalankan menggunakan pesawat terbang CN 235 dan pesawat helikopter Blackhawk S-70A.

Membantu dalam Pertahanan Darat

Rupa bentuk mukabumi negara menjadikan pergerakan melalui udara sangat penting untuk kecepatan dan kemudahan bagi tentera darat dalam menjalankan operasi. Pengangkutan terup secara taktikal ke kawasan yang tidak dapat dilalui oleh kenderaan darat dengan segera menjadi keutamaan pesawat helikopter. Tugas ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan pesawat helikopter Bell 212 dan Blackhawk S-70A bagi pengangkutan terup dan bekalan logistik. Manakala, pesawat helikopter Bolkow BO 105 yang dilengkapi dengan sistem Roket FZ dan pesawat helikopter Bell 212 yang dilengkapi dengan senjata GPMG dapat memberikan bantuan tembakan udara ke bumi jarak dekat.

Anak buah pesawat Bell 212 menggunakan senjata GPMG dalam membantu pertahanan darat

Pesawat Blackhawk dalam memberikan bantuan pertahanan maritim

Membantu dalam Pertahanan Maritim

Tentera Udara Diraja Brunei membantu Tentera Laut Diraja Brunei dengan memberikan bantuan pesawat untuk operasi maritim.

Membantu dalam Tugas-Tugas Negara

Tentera Udara Diraja Brunei memberikan bantuan udara kepada agensi kerajaan dan masyarakat di dalam mahupun di luar negara melalui tugas-tugas khas seperti bantuan pengangkutan doktor udara, memindah pesakit, memadam kebakaran, mencari dan menyelamat, operasi kemanusiaan dan pertolongan semasa bencana.

Aset-aset TUDB ketika memberikan bantuan operasi mencari dan menyelamat di Bario, Sarawak

Pesawat Blackhawk membuat rondaan di kawasan yang dilanda Badai Tsunami

POLIS

struktur organisasi

Markas Tentera Udara Diraja Brunei dipimpin oleh Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei iaitu Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin. Jawatan Timbalan Pemerintah dipegang oleh Kolonel (U) Haji Muhd Rashid bin Asut. Markas Pemerintah Pangkalan pada masa ini dikendali oleh Leftenan Kolonel (U) Lusir bin Sian.

Dalam menjalankan misi dan peranannya, Tentera Udara Diraja Brunei kini terbahagi kepada lima cawangan besar iaitu Cawangan Gerakan, Rejimen Udara, Cawangan Logistik, Cawangan Latihan dan Cawangan Tadbir. Cawangan Gerakan, Cawangan Logistik dan Cawangan Tadbir berpangkalan di Pangkalan Tentera Udara Rimba, Rejimen Udara berpangkalan di Berakas Garison dan Penanjong Garison manakala Cawangan Latihan berpangkalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

cawangan gerakan

cawangan gerakan



Sejarah penubuhan cawangan ini selaras dengan penubuhan Tentera Udara Diraja Brunei. Cawangan Gerakan bermula dengan penubuhan Skuadron Pertama yang dikenali dengan No 1 Skuadron. Pada masa ini, Cawangan Gerakan mengandungi empat buah skuadron penerbangan dan dua buah unit. Pegawai Pemerintah Cawangan Gerakan yang pertama ialah Leftenan Kolonel (U) Haji Muhd Rashid bin Asut. Pada masa ini, Pegawai Pemerintah Cawangan Gerakan ialah Leftenan Kolonel (U) Hamzah bin Haji Sahat.

Selepas penerbangan lalu Hari Keputeraan KDYMM ke-61

no 1 skn

No 1 Skuadron dilengkapi dengan pesawat helikopter Bell 212 dan Bell 214ST. Sebilangan pesawat helikopter Bell 212 dilengkapi dengan peralatan Night Vision Goggles (NVG). Pegawai Memerintah tempatan No 1 Skuadron yang pertama ialah Mejar Pengiran Dato Abidin bin Pengiran Ahmad. Tugas dan peranan skuadron ini diantaranya seperti pengangkutan taktikal, pengangkutan terup dan bekalan, pengangkutan pasukan khas, mencari dan menyelamat, bantuan memindah pesakit dan bantuan tembakan dari udara ke bumi.



Pesawat Bell 214ST digunakan bagi pengangkutan terup

Kru pesawat memberikan isyarat untuk keluar dari pesawat

Di antara tugas-tugas No 1 Skn

no 2 skn

No 2 Skuadron dilengkapi dengan pesawat helikopter Bolkow BO 105. Pesawat helikopter Bolkow BO 105 dilengkapi dengan sistem Roket FZ untuk memberikan bantuan penembakan. Pegawai Memerintah No 2 Skuadron yang pertama ialah Mejar Karim bin Sapar. Tugas dan peranan skuadron ini diantaranya seperti rondaan sempadan, pengangkutan Kerabat Diraja, pengangkutan doktor udara dan bantuan tembakan dari udara ke bumi.

no 4 skn

No 4 Skuadron dilengkapi dengan pesawat helikopter Blackhawk S-70A dan semua kru pesawat berkebolehan menjalankan operasi pada waktu malam dengan menggunakan Night Vision Goggles (NVG). Pegawai Memerintah No 4 Skuadron yang pertama ialah Mejar (U) Hamid bin Haji Nayan. Tugas dan peranan skuadron ini diantaranya pengangkutan tetamu khas, pengangkutan pasukan khas, pengangkutan terup, mencari dan menyelamat, bantuan dalam memadam kebakaran dan rondaan maritim.

Di antara tugas-tugas No 4 Skn

no 5 skn

No 5 Skuadron dilengkapi dengan pesawat terbang CN 235. Pegawai Memerintah No 5 Skuadron yang pertama ialah Mejar (U) Haji Sharifuddin Bin POKMSR Dato Haji Muhammed. Tugas dan peranan skuadron ini adalah seperti rondaan maritim, mencari dan mengesan, pengangkutan Kerabat Diraja, tetamu khas dan terup.

Di antara tugas-tugas No 5 Skn

UPTPUT

Unit Payung Terjun Pembekal Udara Taktikal (UPTPUT) sekarang menetap di Pangkalan Tentera Udara Rimba. Pegawai Memerintah UPTPUT yang pertama adalah Kapten Haji Mat Limin bin Momin. UPTPUT juga menyediakan Pasukan Penyelamat Hutan yang sentiasa siapsedia selama 24 jam jika diperlukan. UPTPUT menganjurkan kursus seperti payung terjun dan *abseil* kepada anggota-anggota di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Agensi Luar.

unit bomba

Unit Bomba pada ketika ini menetap di Pangkalan Tentera Udara Rimba. Tugas dan peranan unit ini ialah memberi perlindungan keselamatan ke atas semua aset Tentera Udara Diraja Brunei jika berlaku sebarang kebakaran di kawasan Pangkalan Tentera Udara Rimba. Unit ini juga berkeupayaan memberikan bantuan kepada Jabatan Penerbangan Awam bila diperlukan.

rejimen
udara

rejimen udara

Rejimen Udara mengandungi dua skuadron pertahanan udara dan satu skuadron pertahanan pangkalan. Pegawai Pemerintah Rejimen Udara yang pertama ialah Leftenan Kolonel (U) Hamid bin Haji Nayan. Pada masa ini, Pegawai Pemerintah Rejimen Udara ialah Leftenan Kolonel Hasmee bin Haji Abd Wahab.

Gambar ramai anggota Rejimen Udara bersama Peg Pem

no 33 skn

No 33 Skuadron dilengkapi dengan sistem pertahanan udara jarak dekat iaitu Rapier. Pegawai Memerintah No 33 Skuadron tempatan yang pertama ialah Mejar (U) Haji Mohd Taha bin Haji Mohd Yusof.

no 38 skn

No 38 Skuadron dilengkapi dengan sistem pertahanan udara jarak sangat dekat iaitu Mistral. Pegawai Memerintah No 38 Skuadron yang pertama ialah Mejar (U) Rizal Fauzan bin Haji Bahrin.

Penubuhan No 38 Skn

SPP

Skuadron Pertahanan Pangkalan (SPP) berperanan untuk memberikan bantuan pertahanan Pangkalan Tentera Udara Rimba dan Pangkalan Hadapan semasa gerakan (Forward Operating Base). Pegawai Platun Skuadron Pertahanan Pangkalan yang pertama ialah Leftenan (U) Haji Alirupendi Bin Haji Perudin.

cawangan
logistik

cawangan logistik

Cawangan Logistik terbahagi kepada dua buah skuadron utama iaitu Skuadron Kejuruteraan dan Skuadron Bekal. Pegawai Pemerintah Cawangan Logistik yang pertama ialah Mejar (U) Pengiran Kamal Bashah bin Pengiran Ahmad. Pada ketika ini, Cawangan Logistik diterajui oleh Leftenan Kolonel (U) Haji Hamsani bin Haji Abd Hamid selaku Pegawai Pemerintah.

Sld (U) Ak Mohd Khairul Alimin membuat pemeriksaan 'driving link assembly'

Kpl (U) Aziz memeriksa alat ganti pesawat

Gambar ramai anggota Mrks Cwgn Log bersama Peg Pem

skn kejuruteraan

LKpl (U) Mohd Heartry dan Kpl Hana Nazihah membuat pemeriksaan selepas penerbangan

LKpl Hjh Mariatul Majeedah dan Sld (U) Eddy Noor Islam sedang memasang komponen avionik pesawat

Skuadron Kejuruteraan dibahagikan Skuadron Kejuruteraan No 1 Skuadron, Skuadron Kejuruteraan No 2 Skuadron, Skuadron Kejuruteraan No 3 Skuadron, Skuadron Kejuruteraan No 4 Skuadron, Skuadron Kejuruteraan No 5 Skuadron, dan Bahagian Pemeliharaan Peralatan Teknikal. Pegawai Kejuruteraan Kanan yang pertama ialah Mejar (U) Rosli bin Haji Ahmad. Peranan utama skuadron ini adalah untuk memberi bantuan pemeliharaan dan baik pulih ke atas semua pesawat di Tentera Udara Diraja Brunei.

Kpl Noni sedang membuat pemindahan minyak

375



skn bekal

Skuadron Bekal terdiri daripada Domestic Supply Flight, Technical Supply Flight, Supply Control Accounting Flight dan Bulk Fuel Installation. Pegawai Memerintah tempatan pertama adalah Mejar (U) Suhaimi bin Haji Abd Karim. Skuadron ini menggunakan rangkaian sistem komputer yang dikenali Defence Logistics Information System (DefLIS) dalam menjalankan tugas harian. Skuadron Bekal berperanan membekalkan kelengkapan dan peralatan bagi operasi untuk membolehkan Tentera Udara Diraja Brunei melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara efektif.

Gambar kenangan bersama Mej (U) Suhaimi,Peg Mem Skn Bekal

LAUNDRY SECTION


SUPPLY CONTROL ACCOUNTAN

600HRS
SERVICING
FOR BO105.
A02B00
A02A00
UH-002
STILL

cawangan latihan

cawangan latihan

Cawangan Latihan mengandungi No 3 Skuadron/ Sekolah Latihan Penerbangan (SLP), Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU) dan Skuadron Penilaian dan Piawaian Penerbangan (Staneval). Pegawai Pemerintah yang pertama pada ketika itu ialah Leftenan Kolonel (U) Haji Muhammad Rashid bin Asut. Pada masa ini, Pegawai Pemerintah Cawangan Latihan ialah Leftenan Kolonel (U) Shahril Anwar bin Ma'awiah. Cawangan Latihan berperanan untuk melatih juruterbang dan teknisyen bagi Tentera Udara Diraja Brunei. Cawangan Latihan juga bertanggungjawab untuk mengkoordinasi dan merancang keperluan latihan bagi semua anggota di Tentera Udara Diraja Brunei.

Gambar kenang-kenangan bersama Peg Pem Cwgn Lth

no 3 skn

Mej (U) Jasmin selaku Peg Mem No 3 Skn dan Jurulatih Tempatan bangga bersama pelatih juruterbang yang beliau didik iaitu Lt (U) Ak Zulhusmi dan Lt (U) Md Walee

Lt (U) Hj Mohd Rahimin dan Lt Muda (U) Mohd Yusree bersama Mr Andre Holtzhausen, Jurulatih Kontrak No 3 Skn semasa penyampaian lencana juruterbang

No 3 Skuadron dilengkapi dengan pesawat latihan PC-7 Mk II dan pesawat Bell 206B Jet Ranger. Pegawai Memerintah yang pertama ialah Mejar (U) Ibrahim bin Haji Mohammad. Peranan utama skuadron ini ialah menghasilkan juruterbang dan anak buah pesawat yang terlatih dan berdedikasi bagi Tentera Udara Diraja Brunei.

Lt (U) Eisa membuat latihan penerbangan pesawat Bell 206B Jet Ranger



Lt Muda (U) Mohd Amin semasa menjalani latihan asas penerbangan pesawat latihan PC-7 Mk II

SLTU

Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU) berperanan untuk menghasilkan teknisyen tempatan yang berkelulusan Diploma Kebangsaan. Kursus yang dijalankan selama 2 tahun adalah dengan kerjasama Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) di bawah Kementerian Pendidikan. Sekolah Latihan Teknikal Udara juga mengendalikan latihan teknikal untuk juruterbang, anak buah pesawat dan anggota Safety Equipment Section (SES).



Gambar ramai staf dan penuntut SLTU bersama Peg Mem

Di antara latihan yang dijalankan oleh SLTU

staneval

Skuadron Penilaian dan Piawaian Penerbangan (Staneval) bertanggungjawab untuk memastikan tahap profesionalisme semua juruterbang dan anak buah pesawat di Tentera Udara Diraja Brunei sentiasa pada tahap yang terbaik.

Selain daripada mengendalikan penilaian penerbangan, skuadron ini juga menyelaraskan lawatan Central Flying School (CFS) dari United Kingdom dan Australian Defence Force (ADF) yang berperanan sebagai badan penilaian luar. Pegawai Memerintah Skuadron Penilaian dan Piawaian Penerbangan yang pertama adalah Mejar (U) Mohd Radin bin Dato Maharaja Setia Dian.

PW1(U) Ejol memerhati anak buah pesawat ketika membuat piawaian penerbangan

TUDB 132

cawangan tadbir

cawangan tadbir

Cawangan Tadbir terdiri daripada Pejabat Gaji, Pejabat Kenderaan, Pejabat Latihan Jasmani, Pejabat Bantuan Ringan atau dikenali sebagai Light Aid Detachment (LAD), Pejabat Awam, Polis Pasukan, Perkhidmatan Perubatan dan Perkhidmatan Pergigian. Pegawai Memerintah Cawangan Tadbir yang pertama adalah Mejar Abdul Samad bin Haji Abang Yusof. Pada masa ini, Pegawai Memerintah Cawangan Tadbir ialah Mejar (U) Yussof bin Mustafa. Cawangan Tadbir berperanan untuk memberikan bantuan pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan kepada Tentera Udara Diraja Brunei.

LKpl Diddy membuat pemeriksaan kenderaan tentera

Gambar kenangan bersama Peg Mem Cwgn Tad

Tugas dan perkhidmatan yang diberikan oleh Cwgn Tad



Kpt Dk Hjh Asmiah memeriksa sistem TAFIS di Pej Gaji TUDB

Pg Bakar ketika menjelaskan peranan Pej Awam

Sesi memanaskan badan yang diketuai oleh Sjn Issa

kepimpinan

PEMERINTAH-PEMERINTAH TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI

Pegawai Memerintah Platun Helikopter yang pertama ialah Mejar Herbert Marshall. Beliau memegang jawatan berkenaan mulai pada tahun 1966 hingga tahun 1973. Kemudian, Leftenan Kolonel Raley telah mengambil alih tanggungjawab sebagai Pegawai Pemerintah mulai pada tahun 1973 hingga tahun 1977. Leftenan Kolonel Mackinnon menjadi Pegawai Pemerintah Chawangan Udara mulai pada tahun 1977 hingga tahun 1980. Leftenan Kolonel Cheshire seterusnya merupakan pegawai kontrak yang terakhir menjadi Pegawai Pemerintah mulai pada tahun 1980 hingga tahun 1982.

Anak tempatan pertama yang memegang jawatan Pegawai Pemerintah Chawangan Udara ialah Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad. Beliau mengambil alih tanggungjawab mulai pada tahun 1982 hingga tahun 1986. Kemudian, Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw menjadi Pegawai Pemerintah Tentera Udara ABDB mulai pada tahun 1986 hingga tahun 1989. Leftenan Kolonel Dato Paduka Ibrahim bin Haji Mohammad seterusnya menjadi Pegawai Pemerintah Tentera Udara ABDB yang terakhir sebelum dikenali sebagai Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Beliau mengambil alih tanggungjawab mulai pada tahun 1989 hingga tahun 1991.

Setelah penyusunan semua struktur organisasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berlangsung, Leftenan Kolonel (U) Dato Paduka Ibrahim bin Haji Mohammad menjadi Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei yang pertama mulai pada tahun 1991 hingga tahun 1993. Brigadier Jeneral (U) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad seterusnya mengambil alih jawatan Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei mulai pada tahun 1993 hingga tahun 1997. Kemudian beliau dinaikkan ke pangkat Mejar Jeneral dan seterusnya dilantik untuk menjadi Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun 1997.

Tampuk pimpinan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei seterusnya diambil alih oleh Kolonel (U) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad. Beliau menjadi Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei mulai pada tahun 1997 hingga tahun 2000. Sejak tahun 2000, Kolonel (U) Haji Mahmud bin Haji Saidin mengambil alih tanggungjawab sebagai Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei sehingga sekarang. Sejak penubuhan hingga ke hari ini, Tentera Udara Diraja Brunei telah diterajui oleh empat orang anak tempatan.

pemerintah

Mejar Herbert Marshall
1966 - 1973

Leftenan Kolonel
Mackinnon
1977 - 1980

Leftenan Kolonel Pengiran
Dato Seri Laila Jasa Abidin
1982 - 1986

Leftenan Kolonel Riley

1973 - 1977

Leftenan Kolonel Cheshire

1980 - 1982

Leftenan Kolonel Dato
Paduka Ibrahim

1989 - 1993

Brigadier Jeneral Dato
Paduka Haji Ibrahim

1997 - 2000

Leftenan Kolonel
Dato Laila Jasa Jocklin

1986 - 1989

Brigadier Jeneral
Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin

1993 - 1997

Brigadier Jeneral
Dato Paduka Haji Mahmud

2000 – sekarang

timbalan pemerintah

Leftenan Kolonel (U)
Mohd Radin

Leftenan Kolonel (U)
Haji Mahmud

Kolonel (U)
Haji Muhd Rashid

Leftenan Kolonel (U) Haji Zainal

Leftenan Kolonel (U) Hamid

pemerintah pangkalan

Leftenan Kolonel (U)
Haji Muhd Rashid

Leftenan Kolonel (U)
Haji Zulkifli

Leftenan Kolonel (U)
Lusir

Leftenan Kolonel (U) Haji Johar

Leftenan Kolonel (U) Ali

sarjan mejar TUDB

PW1 (U) Pengiran
Haji Ahmad

PW1 (U) Jumaat

PW1 (U) Pengiran
Haji Metali

PW1 (U) Yaakub

PW1 (U) Abd Talip

PW1 (U) Mohammad

PW1 (U) Haji Jamudin

PW1 (U) Muhammad

keberangkatan
diraja

keberangkatan Al-Marhum

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dijunjung menyaksikan sistem roket Sura

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan untuk beramah mesra dengan warga Tentera Udara ABDB

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dijunjung menyaksikan pameran statik di Hangar No 1 Skn, Berakas Garison pada tahun 1984

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menandatangani lembaran kenangan dan menerima pesambah sebelum dijunjung menyaksikan demonstrasi

keberangkatan lawatan kerja pertama

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA PERTAMA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Pada 18 Februari 1993, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli membuat lawatan kerja ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei bertempat di Berakas Garison. Keberangkatan tiba Baginda dijunjung oleh Leftenan Kolonel Dato Paduka Haji Ibrahim Bin Haji Mohammad yang merupakan anak tempatan yang pertama memegang jawatan Pegawai Pemerintah serta Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Lawatan Baginda merupakan pendekatan awal Baginda ke semua unit di bawah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Lawatan Baginda juga membawa misi untuk mengetahui lebih jelas apa jua bentuk operasi dan perkembangan yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Baginda berkesempatan untuk bergambar kenang-kenangan selepas Santap Tengahari bersama Pegawai-pegawai Cawangan Udara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung bagi bergambar kenang-kenangan bersama Pegawai-pegawai ATU DB di Mes Pegawai Berakas Garison

Koleksi gambar Keberangkatan Lawatan Kerja Pertama
Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke ATU DB

keberangkatan lawatan kerja kedua

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima tabik hormat dari Kawalan Diraja di Markas ATU DB

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KEDUA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Pada 17 Mei 2004, setelah lebih satu dekad, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat membuat lawatan kerja yang kedua ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei bertempat di Pangkalan Tentera Udara Rimba. Keberangkatan tiba Baginda dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan di Skuadron bekal oleh Peg Mem Skuadron Bekal

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan dari PW2 Pg Fatnah mengenai prosedur rawatan gigi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama anggota-anggota Survival Equipment Section

Lawatan Baginda merupakan pendekatan menyeluruh Baginda ke semua unit di bawah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Setiap sudut Baginda kunjungi dan boleh dikatakan tidak ada tempat yang terlepas dari pandangan dan penelitian Baginda. Lawatan Baginda juga membawa misi untuk mengetahui lebih jelas apa jua bentuk kemajuan, perkembangan dan operasi yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan untuk menyaksikan aset-aset TUDB dan beramah mesra dengan warga ATU DB

Setiap kali bercemar duli, Baginda akan mencuba apa jua peralatan yang digunakan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Apa yang jelas, Baginda ingin mengetahui kecanggihan peralatan yang digunakan dan tatacara mengendalikannya. Baginda sudah setentunya menjadi contoh teladan kepada setiap anggota untuk lebih peka terhadap perkembangan, kecanggihan peralatan dan kelengkapan ketenteraan terkini dapat dikendalikan secara maksimal. Latihan-latihan dengan menggunakan berbagai-bagai peralatan, tidak terkecuali dari lawatan Baginda. Selain dari mengetahui tahap kemampuan dan kemahiran setiap anggota, Baginda juga memberi saranan yang membina bagi memperbaiki kelemahan secara kolektif. Baginda menunaikan solat berjemaah sebelum meneruskan aturcara lawatan Baginda di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima sembah penerangan daripada Kpt (U) Hishamuddin, Juruterbang No 1 Skn

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan untuk beramah mesra bersama ahli-ahli TEMD

Sebahagian aturcara Keberangkatan Lawatan Kerja Kedua Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke ATU DB

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung bergambar kenang-kenangan bersama Pegawai-pegawai ATU DB di Mes Pegawai Berakas Garison

Baginda berkenan menyaksikan penembakan dari udara ke bumi senjata GPMG menggunakan pesawat helikopter jenis Bell 212 dan penembakan sistem roket FZ menggunakan pesawat helikopter jenis Bolkow BO 105. Sebelum mengakhiri lawatan kerja Baginda ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Baginda juga berkenan menyaksikan penembakan sistem pertahanan udara jarak paling dekat iaitu Mistral bertempat di Padang Tembak Bukit Agok.

keberangkatan lawatan kerja pertama

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA PERTAMA DULI YANG TERAMAT MULIA

Pada 10 Mei 2004, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat membuat lawatan kerja yang pertama ke Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei di Pangkalan Tentera Udara Rimba. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia merupakan pendekatan awal ke semua unit di bawah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia juga membawa misi untuk mengetahui lebih jelas lagi apa jua bentuk kemajuan, perkembangan dan operasi yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima tabik hormat dari Kawalan Diraja dan dijunjung untuk bergambar kenang-kenangan di Markas ATU DB

Duli Yang Teramat Mulia berkenan untuk memeriksa Kawalan Diraja

Koleksi gambar Keberangkatan Lawatan Kerja Pertama Duli Yang Teramat Mulia di ATU DB

Duli Yang Teramat Mulia berkenan mencuba sistem CBT

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah penerangan dari Kpt (U) Zainal Ariffin

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah penerangan peralatan teknisyen dari Mr Paul

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah penerangan peralatan UPTPUT dari Kpt (U) Yussof

Duli Yang Teramat Mulia mencuba peralatan-peralatan yang digunakan oleh Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei untuk mengetahui kecanggihan peralatan yang digunakan dan tatacara mengendalikannya bagi memastikan peralatan dan kelengkapan ketenteraan terkini dapat dikendalikan secara maksimal. Latihan-latihan dengan menggunakan berbagai peralatan, tidak terkecuali dari lawatan Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama Pegawai-pegawai Cwgn Gkn di Hangar B

Duli Yang Teramat Mulia berkenan membuat lawatan di Hangar No 3 Skn

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani Lembaran Kenangan di Rejimen Udara

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk bergambar kenang-kenangan bersama Pegawai–pegawai ATU DB di Hangar B

keberangkatan lawatan kerja kedua

KEBERANGKATAN LAWATAN KERJA KEDUA DULI YANG TERAMAT MULIA

Pada 11 Mac 2008, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat membuat lawatan kerja yang kedua ke Tentera Udara Diraja Brunei di Pangkalan Tentera Udara Rimba. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemerintah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perdana Menteri. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia merupakan lanjutan dari keberangkatan pertama Duli Yang Teramat Mulia ke Tentera Udara Diraja Brunei. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia dimulai dengan dijunjung untuk memeriksa Kawalan Diraja sejurus tiba di markas Tentera Udara Diraja Brunei. Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk disembah kenalkan kepada Pegawai-pegawai Kanan Tentera Udara Diraja Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan memeriksa Kawalan Diraja

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan koleksi gambar penyampaian Lencana Juruterbang Kehormat TUDB

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima tabik hormat dari Kawalan Diraja di Markas TUDB

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah taklimat mengenai TUDB di Bilik Mesyuarat Helang

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung untuk sembah taklimat mengenai Tentera Udara Diraja Brunei. Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung untuk melawat Pusat Gerakan Udara sebelum menandatangani Lembaran Kenangan. Sebelum berangkat meninggalkan Markas Tentera Udara Diraja Brunei, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk bergambar ramai di hadapan bangunan Markas. Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung untuk berangkat ke Bukit Agok dengan menaiki pesawat Blackhawk. Kemuncak keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia pada kali ini ialah persembahan penembakan sistem Mistral dari Rejimen Udara diikuti dengan persembahan *Multi Rope Abseil* dan *Jungle Line Ressuply* dari Cawangan Gerakan.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah penerangan mengenai Pusat Gerakan Udara dari Mej (U) Norudin

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar kenang-kenangan bersama Pegawai–pegawai Kanan KEMENTAH dan TUDB

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan persembahan penembakan sistem Mistral di Bukit Agok

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung menyaksikan persembahan Multi-Rope Abseil di Bukit Agok

keberangkatan penempatan kerja

KEBERANGKATAN PENEMPATAN KERJA YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI PENGIRAN MUDA HAJI ÁBDUL ÁZIM

Tentera Udara Diraja Brunei menerima Keberangkatan Penempatan Kerja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim bermula pada 27 hingga 28 Jun 2006. Pelbagai aturcara disediakan untuk memberikan pengetahuan am mengenai tugas dan peranan yang diamanahkan kepada Tentera Udara Diraja Brunei. Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim di Markas Tentera Udara Diraja Brunei dijunjung oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei , Pegawai-pegawai Kanan di Kementerian Pertahanan dan Tentera Udara Diraja Brunei. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim kemudian dijunjung untuk sembah alu-aluan dan taklimat mengenai Tentera Udara Diraja Brunei sebelum dijunjung melawat Pusat Gerakan Udara.

Koleksi gambar Keberangkatan Penempatan Kerja Yang Teramat Mulia di Markas TUDB

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim seterusnya dijunjung untuk bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Tentera Udara Diraja Brunei sebelum dijunjung beredar ke Bilik Layang-Layang untuk santap ringan dan interaksi dengan Pegawai-pegawai muda Tentera Udara Diraja Brunei. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim dijunjung untuk menyaksikan demonstrasi gerakan udara dan aktiviti latihan Unit Payung Terjun Pembekal Udara Taktikal.

Di hari terakhir Keberangkatan Penempatan Kerja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim berkesempatan membuat lawatan ke Cawangan Latihan dan menerima sembah taklimat mengenai proses pemilihan bakal-bakal juruterbang dan latihan asas penerbangan dan pemilihan bakal-bakal teknisyen serta latihan bakal-bakal teknisyen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Yang Teramat Mulia berkenan menaiki pesawat Blackhawk

Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar kenang-kenangan di Markas TUDB

Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama anggota UPTPUT

keberangkatan penempatan kerja

KEBERANGKATAN PENEMPATAN KERJA YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI PENGIRAN MUDA ÁBDUL MALIK

Tentera Udara Diraja Brunei menerima Keberangkatan Penempatan Kerja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul ‘Malik pada 10 April 2008. Pelbagai aturcara yang disediakan untuk memberikan pengetahuan am mengenai latihan secara amnya di Tentera Udara Diraja Brunei. Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik di Markas Tentera Udara Diraja Brunei dijunjung oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei dan Pegawai-pegawai Kanan Tentera Udara Diraja Brunei. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik kemudian dijunjung untuk sembah alu-aluan dan taklimat mengenai struktur organisasi dan latihan-latihan di Tentera Udara Diraja Brunei

Koleksi gambar Keberangkatan Penempatan Kerja Yang Teramat Mulia di Markas TUDB

sebelum dijunjung untuk menikmati santap ringan dan menandatangani Lembaran Kenangan di Bilik Cenderawasih. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik seterusnya dijunjung untuk bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Kanan Tentera Udara Diraja Brunei sebelum dijunjung berangkat ke Cawangan Latihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan menaiki kenderaan darat. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung melawat ke No 3 Skuadron dan seterusnya Sekolah Latihan Teknikal Udara. Diakhir Keberangkatan Penempatan Kerja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung untuk mendengar sesi rumusan lawatan pada hari tersebut.

Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Kanan TUDB

Yang Teramat Mulia berkenan melihat dengan lebih dekat peralatan dan aset-aset No 3 Skn

Koleksi gambar keberangkatan Yang Teramat Mulia di SLTU

UDARA DIRA

perkembangan

PENGURNIAAN LENCANA JURUTERBANG KEHORMAT TUDB

Sebagai tanda penghormatan di atas perkhidmatan yang cemerlang, usaha, bantuan dan sumbangan dalam mengeratkan hubungan silaturrahim di antara Tentera Udara di rantau ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menganugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei kepada Ketua Turus Udara dan Panglima Tentera Udara ketika mengadakan lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei. Lencana Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Mej Jen Lim Kim Choon merupakan Ketua Turus Udara yang pertama menerima Lencana Juruterbang Kehormat TUDB

Pada tahun 2003, Mejar Jeneral Lim Kim Choon, Ketua Turus Udara, Tentera Udara Republik Singapura merupakan Ketua Turus Udara yang pertama menerima penghormatan berkenaan sejak diperkenalkan ketika beliau membuat lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei dan kemudian diikuti oleh Jeneral Dato' Sri Abdullah bin Ahmad, Panglima Tentera Udara, Tentera Udara Diraja Malaysia.

Pada tahun 2004, Marsekal TNI Chappy Hakim, Kepala Staf TNI Angkatan Udara, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara dan Jeneral Datuk Nik Ismail bin Nik Mohammed, Panglima Tentera Udara, Tentera Udara Diraja Malaysia telah menerimanya ketika membuat lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei.

Gambar atas : Jen Dato Seri Abdullah

Gambar bawah : Marsekal TNI Chappy Hakim

Marsekal Madya TNI Djoko Suyanto, Kepala Staf TNI Angkatan Udara, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara, Air Chief Marshal Kongsak Vantana, Ketua Turus, Tentera Udara Diraja Thailand dan Leftenan Jeneral Jose L Reyes, Commanding General, Tentera Udara Republik Filipina telah menerima anugerah berkenaan dalam tahun 2005.

Manakala pada tahun 2006, Air Chief Marshal Kaleem Saadat, NI (M), Ketua Turus Udara, Tentera Udara Pakistan, Brigadier Jeneral Ng Chee Khern, Ketua Turus Udara, Tentera Udara Republik Singapura dan Marsekal TNI Herman Prayitno, Kepala Staf TNI Angkatan Udara, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara telah menerimanya ketika membuat lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei.

Gambar atas : Jen Datuk Seri Nik Ismail

Gambar bawah : Marsekal Madya TNI Djoko Suyanto

Pada tahun 2007, Jeneral Dato Sri Azizan bin Ariffin, Panglima Tentera Udara, Tentera Udara Diraja Malaysia, Air Chief Marshal Chalit Pukbhasuk, Ketua Turus, Tentera Udara Diraja Thailand dan Leftenan Jeneral Horacio S. Tolentino, Commanding General, Tentera Udara Republik Filipina telah menerimanya ketika membuat lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei.

Pada tahun 2008, Air Marshal Geoff Shepherd, Ketua Turus Udara, Tentera Udara Diraja Australia dan Leftenan Jeneral Pedrito S. Cadungog, Commanding General, Tentera Udara Republik Filipina telah menerimanya ketika membuat lawatan pengenalan ke Tentera Udara Diraja Brunei.

Gambar atas : Air Chief Marshal Kongsak Vantana

Gambar bawah : Lt Jen Jose L.Reyes

Dari atas kiri : Air Chief Marshal Kaleem Saadat, Brig Jen Ng Chee Khern, Marsekal Madya TNI Herman Prayitno, Jen Dato Seri Azizan

Dari bawah kiri : Air Chief Marshal Chalit Pukbhasuk, Lt Jen Horacio S.Tolentino, Air Marshal Geoff Shepherd, Lt Jen Pedrito S. Cadungog

latihan dua hala

Latihan AIRGUARD

Latihan Dua Hala bersama dengan Tentera Udara Republik Singapura dinamakan Latihan Airguard. Latihan ini dijalankan sejak tahun 1994 di antara Rejimen Udara dan Air Defence System Division yang pada awalnya dihoskan oleh Tentera Udara Republik Singapura. Pada tahun 2005, buat julung-julung kalinya Tentera Udara Diraja Brunei berjaya menghoskan Latihan Airguard bagi menyambut ulang tahun ke-11 latihan ini. Sejak dari itu, latihan ini dihoskan secara bergilir di antara Tentera Udara Diraja Brunei dan Tentera Udara Republik Singapura. Latihan Airguard berkonsepkan pertahanan udara menggunakan sistem yang terdapat oleh kedua-dua Tentera Udara. Latihan ini juga mengandungi sesi pengajian dan pertukaran buah fikiran di antara kedua-dua tentera udara.

Lt Kol (U) Hj Zainal Abidin memberikan penerangan sistem Mistral

Lt (U) Ak Hairol menyampaikan taklimat operasi

Gambar kenang-kenangan semasa penutup Latihan AIRGUARD 11/05 di Padang Tembak Binturan

Latihan SAREX MALBRU

Latihan Dua Hala bersama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia dinamakan Latihan Sarex Malbru. Latihan ini dijalankan sejak tahun 2000 dan dihoskan secara bergilir di antara Tentera Udara Diraja Brunei dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Latihan ini berkonsepkan mencari dan menyelamat di kawasan sempadan perairan di antara kedua-dua negara.

Kru pesawat Blackhawk membuat operasi mencari dan menyelamat di kawasan sempadan perairan

Perancangan teliti di antara kedua-dua Tentera Udara sebelum operasi menyelamat dan mencari dimulakan

Majlis Pembukaan Rasmi Latihan SAREX MALBRU
di Bilik Alap-Alap, Markas TUDB

Latihan AIR GUNNERY

Latihan Dua Hala di antara No 1 Skuadron, Tentera Udara Diraja Brunei dengan Detachmen Helikopter Tentera Udara Republik Singapura di Negara Brunei Darussalam dinamakan Latihan Air Gunnery. Latihan ini adalah penembakan senjata GPMG dari udara ke bumi menggunakan pesawat kedua-dua Tentera Udara. Latihan Air Gunnery dijalankan sejak tahun 2000 dan ianya dihoskan oleh Tentera Udara Diraja Brunei. Pada tahun 2004, latihan ini kemudian terhenti disebabkan oleh Detachmen Helikopter Tentera Udara Republik Singapura menerima pesawat helikopter yang baru.

Pesawat Bell 212 dilengkapi dengan senjata GPMG membuat penembakan di Padang Tembak Binturan

Latihan ELANG BRUNESIA

Latihan Dua Hala bersama dengan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara yang berkonsepkan Latihan Mencari dan Menyelamat Tempur dikenali sebagai Latihan Elang Brunesia. Latihan ini pada mulanya dijalankan di Malang, Republik Indonesia pada tahun 2003 dengan konsep 'Command Post Exercise'. Latihan 'Field Training Exercise' yang pertama dijalankan pada tahun 2005 dengan melibatkan beberapa buah pesawat dari kedua-dua Tentera Udara di Banjarmasin, Republik Indonesia. Latihan Elang Brunesia dirancang untuk dihoskan secara bergilir di antara Tentera Udara Diraja Brunei dan Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara setiap dua tahun.

Anggota TUDB dan TNI AU semasa Perasmian Latihan ELANG BRUNESIA di Landasan Udara Syamsudin Noor, Banjarmasin

Ketika membuat perancangan di bilik gerakan sebelum menjalani latihan

TNI AU - TUDB

Latihan CARAT

Tentera Udara Diraja Brunei terlibat dalam Latihan Cooperation Afloat Readiness And Training (CARAT) dalam memberikan bantuan pengangkutan udara dan menyediakan tempat letak pesawat di Pangkalan Tentera Udara Rimba sejak tahun 2000.

Pesawat Blackhawk membuat 'Deck Landing' di atas Kapal Induk Amerika Syarikat

Di antara peranan TUDB semasa latihan

helicopter championship

“BRUNEI-ASEAN INVITATION HELICOPTER CHAMPIONSHIP”

Tentera Udara Diraja Brunei pertama kali mengadakan perlawanan pesawat helikopter pada bulan Jun 1980. Sejak dari itu, ianya merupakan salah satu kejadian yang penting di dalam diari Tentera Udara Diraja Brunei. Perlawanan pesawat helikopter bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap kemahiran kru pesawat yang ikut serta mengambil bahagian. Pada tahun 1983, buat kali pertama juga, kru pesawat dari tentera udara negara sahabat juga telah dijemput dalam perlawanan ini. Ianya untuk memberikan peluang kepada kru pesawat untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan bertukar buah fikiran semasa perlawanan diadakan. Struktur perlawanan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu acara navigasi dan diikuti dengan acara penerbangan ketepatan (*precision flying*).

Bagi acara navigasi, ianya mengandungi dua peringkat iaitu peringkat perancangan di darat termasuk ujian tahap akademik dan pengetahuan. Diikuti dengan penerbangan mengikut perancangan yang telah dibuat. Bagi acara penerbangan ketepatan (*precision flying*), ianya terbahagi kepada beberapa jenis latihan mengikut masa yang ditetapkan. Kali terakhir perlawanan tersebut dikendalikan oleh Tentera Udara Diraja Brunei ialah pada tahun 1997.

Gambar ramai semasa Majlis Pembukaan Rasmi Perlawanan Pesawat Helikopter pada tahun 1997

TUDB SAM

“PERLAWANAN KEMAHIRAN MENEMBAK PERINGKAT TUDB”

Sebagai inisiatif Tentera Udara Diraja Brunei di dalam meningkatkan prestasi anggota-anggotanya sebagai anggota tentera yang terlatih, Perlawanan Kemahiran Menembak Peringkat Tentera Udara Diraja Brunei atau dikenali sebagai TUDB SAM telah diadakan dari masa ke semasa.

Ianya diwakili oleh semua peringkat dari Cawangan Gerakan, Rejimen Udara, Cawangan Logistik dan gabungan Cawangan Latihan dan Cawangan Tadbir. Di dalam perlawanan ini, beberapa kategori dan acara dilaksanakan iaitu seperti acara senjata repal, acara senjata pistol, acara senjata GPMG bagi peringkat individu dan pasukan.

cawangan cemerlang

...anugerah pengiktirafan

Tentera Udara Diraja Brunei dalam memberikan motivasi dan perangsang untuk mempertingkatkan mutu dan produktiviti cawangan-cawangan dibawahnya telah memperkenalkan satu inisiatif iaitu dengan Penganugerahan Cawangan Cemerlang. Majlis Penganugerahan ini diadakan setiap tahun yang diselenggarakan semasa Hari Ulang Tahun Tentera Udara Diraja Brunei. Ianya mula diperkenalkan pada tahun 2002. Setiap tahun, pencapaian cawangan-cawangan di Tentera Udara Diraja Brunei dinilai dalam beberapa kategori atau bidang seperti disiplin, pentadbiran, ketahanan jasmani, sukan dan cemerlang keseluruhan.

Anugerah Cemerlang Dalam Bidang Disliplin:

2002	-	Cawangan Latihan
2003	-	Cawangan Gerakan
2004	-	Cawangan Logistik
2005	-	Cawangan Logistik
2006	-	Cawangan Logistik

Anugerah Cemerlang Dalam Bidang Ketahanan Jasmani:

2002	-	Cawangan Latihan
2003	-	Cawangan Logistik
2004	-	Cawangan Logistik
2005	-	Rejimen Udara
2006	-	Rejimen Udara

Anugerah Cemerlang Dalam Bidang Sukan:

2002	-	Rejimen Udara
2003	-	Cawangan Logistik
2004	-	Rejimen Udara

Anugerah Cemerlang Dalam Bidang Pentadbiran:

2002	-	Cawangan Latihan
2003	-	Cawangan Latihan
2004	-	Rejimen Udara
2005	-	Rejimen Udara
2006	-	Rejimen Udara

Anugerah Cawangan Cemerlang Keseluruhan:

2002	-	Cawangan Latihan
2003	-	Cawangan Latihan
2004	-	Cawangan Logistik
2005	-	Rejimen Udara
2006	-	Rejimen Udara

warga cemerlang

...satu penghargaan

Selaras dengan Penganugerahan Cawangan Cemerlang, Tentera Udara Diraja Brunei juga memberi penghargaan di atas sumbangan, mutu dan produktiviti serta profesionalisme seluruh warganya dengan memperkenalkan Anugerah Warga Cemerlang bagi setiap peringkat di Tentera Udara Diraja Brunei.

Kategori Pegawai Cemerlang:

2001	-	475 Leftenan Ajari bin Haji Awang Chuchu
2002	-	413 Kapten (U) Mohd Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim
2003	-	262 Mejar (U) Abu Bakar bin Haji Metassim
2004	-	318 Mejar (U) Hamzah bin Sahat
2005	-	610 Leftenan (U) Zulkhairin bin Ibrahim
2006	-	609 Mejar (U) Haji Muluddin bin Haji Abd Latif

Kategori PTB Kanan Cemerlang:

2002	-	8890 Pegawai Waren 1 (U) Ejol bin Yusop
2003	-	7948 Pegawai Waren 1 (U) Awang Raman bin Maidin
2004	-	8494 Staf Sarjan (U) Ali bin Haji Tamin
2005	-	8351 Pegawai Waren 2 (U) Abu Sufian bin Haji Metassan
2006	-	8493 Pegawai Waren 1 (U) Lamudin bin Safar



Kategori PTB Rendah Cemerlang:

2002	-	10829 Koperal (U) Pengiran Baharuddin bin Pengiran Haji Mohd Noor
2004	-	14673 Lans Koperal (U) Azri bin Yasin
2005	-	16383 Lans Koperal (U) Mohd Alme bin Haji Md Daud
2006	-	15090 Koperal (U) Norerawandi bin Haji Bakri

Kategori Soldadu Cemerlang:

2003	-	16176 Soldadu (U) Ariswendy bin Haji Majid
2004	-	16363 Soldadu (U) Awangku Md Nurramzu Nazri bin Pengiran Haji Md Salleh
2006	-	15690 Soldadu (U) Awangku Abd Azim bin Pengiran Said

Kategori Pekerja Awam Cemerlang:

2004	-	Newi bin Munol
2006	-	Peter Wee Kai Hock

Kategori Olahragawan:

2002	-	9283 Staf Sarjan (U) Rosli bin Moksin
2003	-	10324 Pegawai Waren 2 (U) Rosdy bin Kapal
2004	-	13874 Lans Koperal (U) Rudy bin Haji Adinin
2005	-	13449 Koperal (U) Roy Usmeirman bin Haji Apandi
2006	-	15867 Lans Koperal (U) Md Amin bin Ali

Kategori Olahragawati:

2002	-	20230 Sarjan Husna binti Abdullah
2003	-	21074 Koperal Soraya binti Mohammad
2004	-	20555 Sarjan Sabariah binti Haji Kamel Jumat
2005	-	21366 Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musfirah binti Haji Metussin
2006	-	21366 Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musfirah binti Haji Metussin

Suasana Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang 2006 di The Rizqun International Hotel

pengasas &
pemerintah

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad DPKT, PSPNB, DSLJ, DPMB, SNB, Swa Bhuwana Paksa Utama, Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia (Kehormat), PHBS, PIKB, psc.

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad DPKT, PSPNB, DSLJ, DPMB, SNB, Swa Bhuwana Paksa Utama, Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia (Kehormat), PHBS, PIKB, psc telah mula menceburi karier ketenteraan pada 25hb Mei 1965. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada 21hb Januari 1966. Beliau juga banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negara. Dalam perjalanan karier beliau, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin pernah memegang beberapa jawatan penting di ABDB dan TUDB seperti Ketua Platun Kompeni A di Batalion Pertama, Juruterbang Pesawat Chawangan Udara, Juruterbang Penerbangan KDYMM, Pegawai Memerintah No 1 Skuadron, *DAAG Regimental Headquarters*, Timbalan Pegawai Turus Latihan, Pegawai Pemerintah Chawangan Udara, Pegawai Turus Projek Khas, Pegawai Turus Khas kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Timbalan Pemerintah Task Force Royal Brunei Armed Forces, Pengarah Latihan dan Tugas Turus/Doktrin Kementerian Pertahanan, Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sekitar tahun 1966 hingga 1980 iaitu Kursus Pegawai Kadet, Kursus Taktik Ketua Platun, Kursus Juruterbang, Kursus

Payung Terjun Asas, Kursus *Joint Warfare Officer,* Kursus *Courts-Martial Procedure* dan Kursus Maktab Turus. Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan tanggungjawab yang dipamerkan, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (DPKT), Darjah Pahlawan Negeri Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (PSPNB), Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (DSLJ), Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB), Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (SNB), Pingat Swa Bhuwana Paksa Utama Indonesia, Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia (Kehormat), Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (PHBS), Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan *Passed Staff College (*psc). Beliau dilahirkan pada 16hb Februari 1945 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Hajah Habibah binti Mohammad Yusof dan dikurniakan enam cahaya mata iaitu Awangku Ahmad Sofian, Dayangku Suhani, Dayangku Hasleena, Dayangku Rinawaty, Dayangku Siti Irdawaty dan Awangku Saiful Rizal. Beliau kini menetap di kediaman beliau di Kampong Lambak.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	21hb Januari 1966
Leftenan	-	19hb Februari 1969
Kapten	-	19hb Ogos 1971
Mejar	-	19hb Ogos 1976
Leftenan Kolonel	-	01hb Mac 1983
Kolonel	-	10hb Nobember 1986
Brigadier Jeneral	-	01hb Julai 1994
Mejar Jeneral	-	01hb September 1997

Kolonel Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw
DSLJ, PANB, PHBS, psc.

Kolonel Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw DSLJ, PANB, PHBS, psc telah mula menceburi karier ketenteraan pada 24hb Jun 1965. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada 21hb Januari 1966. Beliau telah banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negara. Dalam perjalanan karier beliau, Kolonel Dato Seri Laila Jasa Jocklin pernah memegang beberapa jawatan penting di ABDB dan TUDB seperti Ketua Platun Kompeni B di Batalion Pertama, Juruterbang Pesawat Chawangan Udara, Ketua Operasi Penerbangan No 1 Skuadron, Pegawai Memerintah No 1 Skuadron, Pegawai Memerintah No 2 Skuadron, Penolong Pegawai Pemerintah Chawangan Udara, Pegawai Pemerintah Chawangan Udara, Pengarah Perisikan dan Keselamatan Kementerian Pertahanan, Penasihat Pertahanan NBD di Republik Singapura dan Pengarah Keanggotaan dan Pentadbiran Kementerian Pertahanan.

Di antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sekitar tahun 1966 hingga 1982 iaitu Kursus Pegawai Kadet, Kursus Taktik Ketua Platun, Kursus Juruterbang, Kursus *Joint Warfare Officer,* Kursus *Courts-Martial Procedure* dan Kursus Maktab Turus.

Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan bertanggungjawab, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (DSLJ), Darjah Perwira Agong Negara Brunei yang Amat Setia Darjah Pertama (PANB), Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (PHBS) dan *Passed Staff College (*psc). Beliau dilahirkan pada 1944 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Meliah binti Lungkau dan dikurniakan empat cahaya mata iaitu Kartinie Mary Lyne, Sharrife Jackman, Chiritinah Aneliah dan Ameliah Wati. Beliau kini menetap di kediaman beliau di Lot 21827 Simpang 124-132 Kampong Selayun, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	21hb Januari 1966
Leftenan	-	19hb Jun 1969
Kapten	-	19hb Ogos 1971
Mejar	-	19hb Ogos 1976
Leftenan Kolonel	-	01hb Ogos 1985
Kolonel	-	01hb April 1990

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigadier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ahmad PSPNB, DSLJ, SNB, CBE, PHBS, (QHI).

Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Wijaya Brigadier Jeneral (B) Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Haji Ahmad PSPNB, DSLJ, SNB, CBE, PHBS, (QHI) telah mula menceburi karier ketenteraan pada 06hb Mei 1965. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada 05hb November 1965. Beliau telah banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negeri. Dalam perjalanan kariernya, beliau pernah memegang beberapa jawatan penting di TUDB seperti Ketua Platun Kompeni B di Batalion Pertama, Pegawai Latihan di Kompeni Latihan, Juruterbang Pesawat Chawangan Udara, Jurulatih Pesawat Chawangan Udara, Juruterbang Penerbangan KDYMM, Ketua Operasi Penerbangan No 1 Skuadron, Pegawai Memerintah Penilaian dan Latihan No 1 Skuadron, Pegawai Memerintah dan Pemerintah Penerbangan KDYMM dan akhirnya menjadi Pengarah Penerbangan KDYMM. Antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sekitar tahun 1966 hingga 1986 iaitu Pegawai Kadet, Kursus Juruterbang, Kursus *Joint Warfare Officer,* Kursus Jurulatih Pesawat Helikopter (QHI), *FAA Helicopter CPL and Instrument Rating* dan *Recurrent Training Flight.*

Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan bertanggungjawab, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Pahlawan Negeri Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (PSPNB), Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (DSLJ), Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (SNB), *Commanders of the Order the British Empire (United Kingdom) – CBE,* Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (PHBS), *Grand Officer Order National Du Merite(France)* dan Jurulatih Pesawat Helikopter (QHI). Beliau dilahirkan pada 09hb Februari 1944 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Rozaini Junita binti Abdul Jalil dan dikurniakan enam cahaya mata iaitu Dayangku Seri Norkertika, Awangku Kamarulharisan, Dayangku Shalirawati, Awangku Mohamad Abdul Aziz, Awangku Mohamad Abdul Azri dan Dayangku Amirah Azira. Beliau kini menetap di kediaman beliau di No: 0390 Sulaseh Villa, Simpang 384, Kg Telanai, Jalan Tutong 2686, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	08hb April 1966
Leftenan	-	05hb Mei 1969
Kapten	-	05hb Nobember 1971
Mejar	-	05hb Nobember 1976
Leftenan Kolonel	-	01hb Julai 1986
Kolonel	-	01hb April 1990
Brigadier Jeneral	-	01hb Oktober 1997



Kolonel Pehin Datu Kesuma Diraja Haji Abdul Rahman bin Mustapha PANB, SLJ, PAT (Kehormat), FBIM, (QHI).

Kolonel Pehin Datu Kesuma Diraja Haji Abdul Rahman bin Mustapha PANB, SLJ, PAT (Kehormat), FBIM, (QHI) telah mula menceburi karier ketenteraan pada 26hb April 1966. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada 07hb Oktober 1966. Beliau telah banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negeri. Dalam perjalanan kariernya, beliau pernah memegang beberapa jawatan penting di ABDB dan TUDB seperti Ketua Platun Kompeni B di Batalion Pertama, Juruterbang Pesawat Chawangan Udara, Pegawai Memerintah Penilaian dan Piawaian No 1 Skuadron, Juruterbang Penerbangan KDYMM, Pegawai Memerintah No 1 Skuadron, Pegawai Gerakan Penerbangan Chawangan Udara, Penasihat Pertahanan NBD di Malaysia, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Kementerian Pertahanan. Antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sekitar tahun 1966 hingga 1982 iaitu Kursus Pegawai Kadet, *Jungle Warfare,* Juruterbang Pesawat Helikopter, Kursus Helicopter *Gunship,* Kursus Jurulatih Pesawat Helikopter *(QHI), Commonwealth Foreign Letter Parce, FAA Helicopter CPL and Instrument Rating, Ground Instructors Techniques,* Kursus *Officer Command* dan *Civilian Helicopter Instructor.*

Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan bertanggungjawab, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Perwira Agong Negara Brunei Yang Amat Setia Darjah Pertama (PANB), Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (DSLJ), Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia (Kehormat) (PAT), *British Institute of Management Certificate of Membership United Kingdom (FBIM)* dan Jurulatih Pesawat Helikopter (QHI). Beliau dilahirkan pada 21hb Nobember 1942 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Pengiran Hajjah Mariah binti Pengiran Ahmad dan dikurniakan empat cahaya mata iaitu Ramzey, Ramzidah, Mazrey dan Mazridah. Beliau kini menetap di kediaman beliau di No: 9 Simpang 331 Jalan Jerudong Mukim Sengkurong 2880 Negara Brunei Darusssalam.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	07hb Oktober 1966
Leftenan	-	05hb Nobember 1969
Kapten	-	05hb Mei 1972
Mejar	-	05hb Mei 1977
Leftenan Kolonel	-	01hb Ogos 1986
Kolonel	-	01hb April 1990

Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad DPMB, SLJ, Pingat Jasa Gemilang (Tentera) psc, cfs.

Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad DPMB, SLJ, Pingat Jasa Gemilang (Tentera), psc, cfs telah menceburi karier ketenteraan pada 25hb Jun 1968. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada 25hb April 1969. Beliau telah banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negeri. Dalam perjalanan karier beliau, Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Ibrahim pernah memegang beberapa jawatan penting di TUDB seperti Ketua Platun Kompeni B Batalion Pertama, Juruterbang Helikopter, Ketua Penerbangan Chawangan Udara, Pegawai Memerintah No 1 Skuadron, Pegawai Memerintah Sekolah Latihan Penerbangan, Pegawai Memerintah Cawangan Tadbir, Pegawai Pemerintah Chawangan Udara dan Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei. Antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sekitar tahun 1968 hingga 1987 iaitu Kursus Pegawai Kadet, Jungle Warfare, Kursus Taktik Ketua Platun, Kursus Juruterbang, Kursus Jurulatih Pesawat Helikopter (QHI), Kursus Maktab Turus, *Qualification Helicopter Instructor/Instrument Rating Examiner, Qualified Helicopter Instructor Category Upgrading Test, Maintenance Test Flight Training* dan *Advanced Operations*.

Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan bertanggungjawab, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB) Darjah Seri Paduka Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga (SLJ), Pingat Jasa Gemilang Tentera Malaysia (PGAT), *Passed Staff College* (psc) dan Central Flying School (cfs). Beliau dilahirkan pada 03 September 1949 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Hajjah Haselina binti Abdullah dan dikurniakan dua cahaya mata iaitu Mohammad Sharif dan Mohammad Haris. Beliau kini menetap di kediaman beliau di Simpang 331, Jalan Jerudong Mukim Sengkurong 2880 Negara Brunei Darusssalam.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	25hb April 1969
Leftenan	-	14hb Nobember 1971
Kapten	-	01hb Januari 1975
Mejar	-	01hb Januari 1979
Leftenan Kolonel	-	01hb Januari 1987
Kolonel	-	01hb Jun 1993
Brigadier Jeneral	-	01hb Oktober 1999

Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin, DPMB, SNB, SMB, ndc, psc.

Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin DPBM, SNB, SMB, ndc, psc telah menceburi karier ketenteraan pada bulan April 1976. Beliau menjalankan kursus kadet dan ditauliahkan pada tahun 1978. Beliau telah banyak mengikuti pelbagai kursus kepakaran dan turus baik di dalam mahupun di luar negara. Dalam perjalanan karier beliau, Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Mahmud pernah memegang beberapa jawatan penting di ABDB dan TUDB seperti Ketua Platun Batalion Kedua, Juruterbang Helikopter. Juruterbang Penerbangan KDYMM, Juruterbang No 1 Skuadron. Jurulatih Pesawat Latihan No 3 Skuadron, Pegawai Tugas-tugas Khas, Timbalan Pegawai Turus Gerakan dan Latihan, Timbalan Pegawai Turus Rancangan/ Mencari dan Menyelamat, dan Timbalan Pengurus Projek Udara Kementerian Pertahanan, Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei, Pemangku Pemerintah dan seterusnya Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei. Antara kursus-kursus yang pernah beliau hadiri pada sejak tahun 1978 iaitu Kursus Pegawai Kadet, Jungle Warfare, Kursus Taktik Ketua Platun, Kursus Juruterbang, Kursus Jurulatih Pesawat Terbang (QFI), Kursus Maktab Turus, dan Kursus National Defence College pada tahun 2001.

Berkat usaha dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan kepada beliau, ditambah dengan kepimpinannya yang tegas dan bertanggungjawab, beliau dikurniakan pelbagai penghargaan, penganugerahan Darjah Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-pingat diantaranya ialah Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei yang Amat Mulia Darjah Kedua (DPMB), Darjah Setia negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua (SNB), Darjah Mahkota Brunei Yang Dihormati Darjah Ketiga (SMB), National Defence College (ndc) dan *Passed Staff College* (psc). Beliau dilahirkan pada 18 Jun 1958 di Negara Brunei Darussalam. Beliau telah mendirikan rumahtangga dengan Datin Soraya binti Dato Hamid dan dikurniakan dua cahaya mata. Beliau kini menetap di kediaman beliau di No 18 Simpang 58, Jalan Manggis Satu, Berakas BC 3613 Negara Brunei Darusssalam.

Tarikh-tarikh Ketetapan Pangkat:

Leftenan Muda	-	06hb Mei 1978
Leftenan	-	17hb Jun 1979
Kapten	-	17hb Jun 1984
Mejar	-	17hb Jun 1988
Leftenan Kolonel	-	01hb September 1997
Kolonel	-	01hb Nobember 2000
Brigadier Jeneral	-	01hb Mei 2006

warga

1966-2008



sekilas kenangan

FIRE EXIT
KELUAR

ABDB 116
ABDB 118

keringat patriotisme

IBB

semangat sepadu

teguh bersatu

adat tradisi

amalan mulia

suatu imbalan

KELUAR

turut berjasa

LOGISTICS WING
TUDB

khidmat bakti

WELCOME
TO
LIFERAFT



satu kebanggaan

LA ABDB TAHUN 2007

ROYAL BRUNEI AIR FORCE CHAMPIONS

Royal Brunei Air Force emerged champions after beating Support Service of RBAF 3-2 in the Royal Brunei Armed Forces Football Championship at the Berakas Sports Complex on Wednesday night. Royal Brunei Land Force were third after beating Royal Brunei Navy 3-0. Five teams took part in the competition - Royal Brunei Land Force, Royal Brunei Air Force, Royal Brunei Navy, Training Institute of Royal Brunei Armed Forces and Support Service of Royal Brunei Armed Forces. The guest-of-honour at the meet was Commander of the Royal Brunei Navy, Colonel Dato Paduka Haji Joharie bin Haji Matussin. Photo above shows the guest-of-honour presenting the trophy to the champion team and (below) jubilant Royal Brunei Air Force players – (Text & photos: H Bat & Zai)

minda cerdas



102

40
PERLAWANAN GOLF
SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDB KE-40
TAHUN 2006

REJIMEN UDARA

REJIMEN UDARA

MARPAT G BORPAT
DUTY
THE NEW WORLD MAP
MALAYSIA
INDONESIA
BRUNEI
BRUNEI
BRUNEI

warna
kebaktian

berbakti dengan

COMMANDER

berbakti dengan

SENIOR INSTRUCTOR 1
SAIPUL RIZAL







TUDE

TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI
BERBAKTI DI ANGKASA

RAZANOL
BRUNEI
YUSRI
BRUNEI



berbakti dengan

TUDB 135

berbakti dengan

LCOME
TO



berbakti dengan

berbakti dengan

berbakti dengan

berbakti dengan



keluarga

pencetus semangat

FOAM
HANDLINE

AIG

SELAMAT MENYAMBUT
HARI RAYA AIDILFITRI

قبلة

dalam
kenangan

jasamu disanubari

"Janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur dijalan Allah itu mati: bahkan mereka itu hidup disisi tuhannya dengan mendapat rezeki. Mereka dalam keadaan gembira disebabkan kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada mereka dan mereka bergirang hati terhadap orang-orang yang masih tinggal dibelakang yang belum menyusul mereka. Bahawa tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. Mereka bergirang hati dengan nikmat dan kurnia yang besar dari Allah, dan bahawa Allah tidak menyia-nyiakan pahala orang-orang yang beriman. (Iaitu) Orang-orang yang mentaati perintah Allah dan Rasulnya sesudah mereka mendapat luka (dalam peperangan) bagi orang-orang yang berbuat kebaikan diantara mereka dan yang bertakwa ada pahala yang besar." (Tafsiran surah Al-Imran ayat ke 169 hingga 172)

Marilah kita bersama-sama membaca Surah Al-Fatihah untuk disedekahkan kepada seluruh warga Tentera Udara Diraja Brunei yang telah kembali ke Rahmatullah sejak penubuhannya lebih dari empat dekad yang lalu. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mencucuri rahmat ke atas mereka dan dikumpulkan bersama golongan orang-orang yang beriman dan bertakwa. Al-Fatihah...

Leftenan Kolonel (B) Haji Mohd Radin bin Datu Maharaja Setia Dian
Leftenan Kolonel (B) Haji Othman bin Haji Hasbollah
Mejar (U) Haji Ishak bin Zainal
Leftenan (U) Ali bin Haji Awang
Leftenan (U) Abd Rahman bin Haji Ibrahim
Pegawai Waren 1 Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Yusof
Pegawai Waren 2 (U) Hamdani bin Othman
Sarjan (U) Haji Morsidi bin Kiang
Lans Koperal (U) Pengiran Haji Suharto bin Pengiran Haji Abd Rahman
Soldadu (U) Saiful Rijal bin Haji Sukri
Soldadu (U) Arjohan bin Yaping
Soldadu (U) Rennie bin Haji Remali
Soladu (U) Mohammad Hafifi bin Haji Abu Bakar
Soldadu (U) Md Kamarul Nizam bin Timbang
Soldadu (U) Md Zamri bin Razali
Marsal bin Hj Abd Fattah
Jefery bin Muhammad
Rahim bin Hj Alihan
Pengiran Momin bin Pengiran haji Yusof
Hardey bin Minggu
Awangku Muhd Syukri bin Pengiran Haji Zainal
Kamaruddin bin Ismail

mercutanda bersejarah

1966 Penubuhan sebuah Seksyen Helikopter di Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB).

24 Jun – Ketibaan dua buah pesawat helikopter Westland Whirlwind Mk 10 yang diterbangkan oleh Askar Pinjaman Tentera Udara Diraja British iaitu Mejar Herbert Marshall, Kapten J.A Bleadon dan Pegawai Waren 1 Alex Riddoch.

1967 Penambahan pesawat helikopter Wessex Mk 54 bagi menggantikan pesawat helikopter Sikorsky 62.

Seksyen Helikopter bertukar nama menjadi Platun Helikopter.

14 Ogos – Leftenan Muda Awangku Abidin dan Leftenan Muda Jocklin, anak tempatan pertama menjalani Kursus Asas Penerbangan di United Kingdom.

1968 16 Mac – Dua orang lagi pegawai tempatan dipilih untuk menghadiri kursus asas penerbangan di United Kingdom.

Penubuhan No 1 Skuadron dengan ketibaan pesawat helikopter Bell 205A-1s.

6 Ogos - Pengurniaan Lencana Sayap kepada dua orang juruterbang tempatan pertama.



1969	Platun Helikopter bertukar nama menjadi Chawangan Udara dan dikumpulkan bersama 'Task Force' diterajui oleh Timbalan Pemerintah AMDB.
1970	Penerbangan Diraja ditubuhkan dengan penerimaan pesawat terbang Hawker Siddeley HS-748.
1973	29 Sep - Penerbangan Jarak Jauh Bersejarah bagi pesawat helikopter Bell 212 dari Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam.
1978	Unit Payung Terjun Pembekal Udara Taktikal (UPTPUT) ditubuhkan.
	Sekolah Latihan Penerbangan Asas (SLPA) ditubuhkan.
1979	Penubuhan Penerbangan KDYMM.
	Latihan Teknikal dan Pengajian Penerbangan (LTPP) ditubuhkan.
1981	No 2 Skuadron ditubuhkan.

1982	SLPA ditukar nama menjadi No 3 Skuadron.
	Leftenan Kolonel Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad anak tempatan pertama menjadi Pegawai Pemerintah Chawangan Udara.
1984	Chawangan Udara ditukar nama menjadi Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Tentera Udara ABDB).
1986	Jabatan Pemeliharaan Peralatan Teknikal (TEMD) mengambil alih tugas pemeliharaan barisan pertama dan kedua.
1990	15 Jun - Penukaran nama LTPP menjadi Sekolah Latihan Teknikal Udara (SLTU).
1991	Tentera Udara ABDB dengan rasminya menjadi Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATU DB) .
	Kolonel (U) Dato Paduka Ibrahim bin Haji Mohammad menjadi Pemerintah ATU DB yang pertama.
1995	25 Mac - Bateri Pertahanan Udara (BPU) diserapkan ke dalam organisasi ATU DB dan menjadi Skuadron Pertahanan Udara (SPU).

1996	KDYMM berkenan mengurniakan Panji-Panji Diraja dan Pasukan .
1997	6 Mac - No 3 Skuadron menerima pesawat latihan Pilatus PC 7 Mk II.
	12 Sep - No 4 skuadron dan 5 Skuadron ditubuhkan dengan penerimaan pesawat helikopter Blackhawk S-70A dan pesawat terbang CN 235.
1998	Pangkalan Tentera Udara Rimba dirasmikan.
1999	4 Jan – Rombakan struktur organisasi dan penukaran nama SPU menjadi Rejimen Udara.
2002	20 Feb - Perasmian ‘Gate Guardian’.
2005	1 Jan - ATU DB dikenali sebagai Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).
	31 Mei - Askar Wanita TUDB menggunakan pakaian seragam TUDB.

pegawai-pegawai sejak penubuhan

14 Mejar Jeneral (B) Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin bin Pengiran Ahmad. 18 Yang Amat Mulia Brigadier Jeneral (B) Pengiran Ratna Wijaya Pengiran Dato Seri Pahlawan Pengiran Haji Hasnan bin Pengiran Ahmad. 27 Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad. 117 Brigadier Jeneral (U) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin. 15 Kolonel (B) Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kongpaw. 19 Kolonel (B) Pehin Datu Kesuma Diraja Haji Abd Rahman bin Haji Mustapha. 91 Kolonel (B) Haji Zainal bin Haji Harun. 115 Kolonel (U) Haji Muhammad Rashid bin Asut. 194 Kolonel (U) Jofri bin Haji Abdullah. 263 Kolonel (U) Pengiran Haji Kamal Bashah bin Pengiran Haji Ahmad. Allahyarham 25 Leftenan Kolonel (B) Haji Othman bin Haji Hasbollah. Allahyarham 58 Leftenan Kolonel (B) Haji Mohd Radin bin Dato Maharaja Setia Dian. 99 Leftenan Kolonel (B) Haji Sharifuddin bin POKMSR DSLJ Haji Mohammad. 113 Leftenan Kolonel (B) Napiah bin Haji Paijan. 121 Leftenan Kolonel (B) Hamid bin Haji Nayan. 133 Leftenan Kolonel (U) Haji Johar bin Haji Mohammad. 135 Leftenan Kolonel (U) Mohd Harris bin Haji Aliamin. 165 Leftenan Kolonel (B) Bahar bin Haji Talip. 180 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Haji Mohd Ali bin Pengiran Haji Tuah. 198 Leftenan Kolonel (B) Haji Taha bin Haji Mohd Yussof. 214 Leftenan Kolonel (U) Lusir bin Sian. 215 Leftenan Kolonel (B) Kamaluddin bin Haji Ghafar. 217 Leftenan Kolonel (B) Haji Zulkifli bin Haji Nayan. 218 Leftenan Kolonel (U) Ali bin Haji Sabar. 222 Leftenan Kolonel (B) Haji Rizal Fauzan bin Haji Bahrin . 225 Leftenan Kolonel (U) Iskandar bin Dato Paduka Haji Yahya. 231 Leftenan Kolonel (U) Haji Wardi bin Haji Abd Latif. 239 Leftenan Kolonel (U) Mohd Azmi bin Haji Hussein . 258 Leftenan Kolonel (U) Haji Zainal bin Haji Yaakub262 Leftenan Kolonel (U) Abu Bakar bin Haji Metassim. 265 Leftenan Kolonel (U) Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah. 269 Leftenan Kolonel (U) Sallehin bin Haji Mohd Taib. 271 Leftenan Kolonel (B) Yahya bin Haji Abd Rahman. 277 Leftenan Kolonel (U) Haji Rahim bin Haji Karim. 291 Leftenan Kolonel (U) Haji Hamsani bin Haji Abd Hamid. 318 Leftenan Kolonel (U) Hamzah bin Haji Sahat. 319 Leftenan Kolonel (U) Harrith Rashidi bin Abdullah. 400 Leftenan Kolonel (B) Amir Hamzah bin Haji Hanaf. 29 Mejar (B) Haji Karim bin Sapar. 52 Mejar (B) Isbah bin Dato Paduka Haji Hamidon. 112 Mejar (B) Haji Jasmi bin Haji Bakar. 118 Mejar (B) Haji Rosli bin Haji Ahmad. Allahyarham 128 Mejar (B) Haji Ishak bin Haji Zainal. 145 Mejar (B) Haji Mahmud bin Haji Pauji. 163 Mejar (B) Haji Basri bin Haji Mahmud. 242 Mejar (B) Matlimin bin Haji. 340 Mejar (B) Hassan bin Haji Tengah. 337 Mejar (B) Abd Malek bin Haji Khamis. 422 Mejar (B) Razali bin Haji Taha. 233 Mejar (B) Abd Khalid bin Haji Abd Hamid. 283 Mejar Matyussof bin Haji Matyassin. 293 Mejar (U) Affandi bin Haji Mohd Ali. 303 Mejar Wan Shahlimar binti haji Suhaili. 335 Mejar (B) Mohd Suhaimi bin Haji Abd Karim. 317 Mejar (U) Pengiran Haji Ishak bin Pengiran Abas. 338 Mejar (U) Jasmin bin Ibrahim. 339 Mejar (U) Abd Rahman bin Haji Durahman. 347 Mejar (U) Harmadi bin Mamit. 386 Mejar (U) Norudin bin Salleh. 401 Mejar (U) Akmalnizam bin Haji Sulaiman. 402 Mejar Pengiran Mas Rashidah binti Pengiran Momin. 412 Mejar (U) Haji Alirupendi bin Haji Perudin. 413 Mejar (U) Mohd Sharif bin Dato Paduka Hají Ibrahim. 431 Mejar Roszeda binti Haji Hamdan. 434 Mejar (U) Abuhussin bin Abu Sahat. 435 Mejar (U) Pengiran Haji Md Hasreen bin Pengiran Haji Ali Hassan. 439 Mejar (U) Haji Haszahaidi bin Haji Ahmad Daud. 440 Mejar (U) Pengiran Jufry bin Pengiran Haji Jaluddin. 447 Mejar (U) Hishamudin bin Haji Abidin. 448 Mejar (U) Haji Shamsul Bahrin bin Haji Mohd Yussof . 450 Mejar (U) Pengiran Mohd Alli Indera Putera bin Pengiran Dato Haji Hamzad. 457 Mejar (U) Mohd Eswandy bin Junaidi. 468 Mejar (U) Yussof bin Mustafa. 469 Mejar (U) Yaakub bin Sisa. 474 Mejar (U) Haji Shadon bin Haji Mohd Salleh. 486 Mejar (U) Johar bin Haji Abdullah. 487 Mejar (U) Mohd Irwan bin Yahya. 491 Mejar (U) Hismawadi bin Haji Mohd Said. 492 Mejar (U) Haji Mohd Albadi Shahnoel bin Haji Mohd Noeh. 493 Mejar (U) Azmie Iskandar bin Ariffin. 495 Mejar (U) Haji Mohd Amirul bin Tarip. 496 Mejar (B) Haji Jafry bin Haji Abu Bakar. 532 Mejar (U) Pengiran Zulkarnaen Edham Ali bin Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh. 540 Mejar (U) Awg Muhammad Amirudin bin Tuah. 541 Mejar (U) Schufin bin Haji Brahim. 545 Mejar (U) Haji Majid bin Haji Berahim. 548 Mejar (U) Rosdie bin Haji Kepli. 609 Mejar (U) Muluddin bin Haji Awg Latif. 592 Mejar (U) Pengiran Khairul Arifin bin Pengiran Haji Md Salleh.

59 Kapten (B) Haji Ramlee bin Haji Awg Damit. 159 Kapten (B) Haji Hamidon bin Haji Mohd Noor. 195 Kapten (B) Haji Alipah bin Haji Murah. 208 Kapten (B) Abd Aziz bin Asmat. 245 Kapten (B) Bakhtiar bin Dato Paduka Haji Yahya. 350 Kapten (B) Awangku Sufitra bin Pengiran Haji Bubin. 363 Kapten (B) Pengiran Haji Alli bin Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim. 399 Kapten (B) Hassanuddin bin Haji Maidin. 419 Kapten (B) Zaini bin Haji Besar. 451 Kapten (U) Awangku Azizul bin Pengiran Haji Yusof. 494 Kapten (U) Sufian bin Awg Ahmad. 534 Kapten (U) Alizamri bin Haji Abd Latif. 605 Kapten (U) Pengiran Hasrul bin Pengiran Haji Rosli. 519 Kapten (U) Haji Shamsol Iskandar Haris Faudillah bin Haji Dzulkiflee. 530 Kapten (U) Peter bin Satu. 531 Kapten (U) Radhuan bin Abdul Hamid. 539 Kapten Asma Shukriah binti Haji Razali. 542 Kapten (U) Awangku Mohd Irwan bin Pengiran Haji Zainal. 555 Kapten (U) Haji Habil bin Adol. 556 Kapten (U) Suhaimi bin Awg Jamali. 557 Kapten (U) Mohammed Hairy Erwandy bin Raya. 558 Kapten (U) Abdullah bin Haji Sabtu. 561 Kapten (U) Zainolhizad bin Haji Md Zain. 562 Kapten (U) Peter bin Ulat. 593 Kapten (U) Sherpor Nezam bin Abd Ghapor. 606 Kapten (U) Don Giovanni bin Haji Abd Rahman. 607 Kapten (U) Haji Md Rahimin bin Haji Ismail. 608 Kapten (U) Md Yusree bin Md Yusainey. 649 Kapten Dayangku Hajah Asmiah binti Pengiran Haji Mohammad. 679 Kapten (U) Haji Kamaluddin bin Haji Apong. 699 Kapten (U) Awangku Irwandi bin Pengiran Haji Chuchu. 730 Kapten (U) Mohammad Anwar Shah bin Napiah. 89 Leftenan (B) Haji Md Yusra bin Haji Abd Halim. Allahyarham 111 Leftenan (B) Ali bin Haji Awang. 261 Leftenan (B) Mohammed Kassim bin Awang Yussof. 238 Leftenan (B) Mohis bin Haji Apong. 323 Leftenan (B) Mahdeli bin Haji Idris. 360 Leftenan (B) Pengiran Suhaili bin Pengiran Haji Hamid. 361 Leftenan (B) Sapawi bin Hamdan. Allahyarham 466 Leftenan (B) Rahman bin Haji Ibrahim. 498 Leftenan (U) Abd Wafi bin Abdullah Kudi. 518 Leftenan (B) Hirmin bin Haji Abd Latif. 529 Leftenan (U) Wirawan bin Hamidon. 559 Leftenan (B) Fakrur Razi bin Haji Abdullah. 560 Leftenan (U) Mohd Zulehram bin Yakub. 610 Leftenan (U) Zulkhairin bin Haji Ibrahim. 628 Leftenan (U) Razanol bin Haji Abd Razak. 629 Leftenan (U) Muhd Walee bin Roslie. 641 Leftenan (U) Md Yusrin bin Md Yusainey. 651 Leftenan (U) Awangku Hairol Iskandar bin Pengiran Ahmad. 657 Leftenan (U) Awangku Md Farisan bin Pengiran Haji Metassan. 658 Leftenan (U) Awangku Md Khairum bin Pengiran Haji Sulaiman. 661 Leftenan (U) Pengiran Muhd Mufid bin Pengiran Haji Umar Ariffin. 662 Leftenan (U) Awangku Muhammad Yusri bin Pengiran Sharifuddin. 663 Leftenan (U) Mohammad Kamarul Fae'zal bin Haji Awg Murni. 673 Leftenan (U) Hasnul Alwe bin Matassan. 674 Leftenan (U) Awangku Rosdini bin Pengiran Mohiddin. 680 Leftenan (U) Haji Suhaili bin Haji Mail. 681 Leftenan (U) Haji Mohammad Sabri bin Haji Ahmad. 691 Leftenan (U) Amar Rijal bin Awg Damit. 700 Leftenan (U) Mohammad Khairul bin Pehin Dato Haji Sulaiman. 709 Leftenan (U) Haji Asbi bin Haji Anwar. 718 Leftenan (U) Ameirul Halpi bin Talip. 722 Leftenan (U) Pengiran Mohammed Ezul bin Pengiran Haji Zohaini. 723 Leftenan (U) Awangku Md Zulhusmi bin Pengiran Md Roslan. 728 Leftenan (U) Mohammad Asyari bin Haji Sabri. 732 Leftenan (U) Mohammed Eisa bin Haji Mohammad. 735 Leftenan (U) Pengiran Ariffin bin Pengiran Hj Mahmud. 742 Leftenan Hajah Huraizah binti Haji Duraman. 763 Leftenan (U) Muhammad Zabri bin Abdul Rahman.766 Leftenan (U) Mohammad Nooryasdie bin Yahya. 349 Leftenan Muda (B) Shahrin bin Haji Mohd Jawie. 574 Leftenan Muda (B) Hajah Noor Monasalieana binti Haji Mohd Salleh. 748 Leftenan Muda (U) Muhammad Fazley bin Hasabullah. 764 Leftenan Muda (U) Awangku Mohammad Zaim Alim bin Pengiran Mohd Roslan. 765 Leftenan Muda (U) Awangku Hj Arifiskandar bin Pengiran Hj Shahbudin. 774 Leftenan Muda (U) Muhammad Syu'aib bin Ahmad Rafie. 775 Leftenan Muda (U) Muhammad Amin bin Yussof. 791 Leftenan Muda (U) Awangku Abd Aziz bin Pengiran Haji Abd Wahab. 792 Leftenan Muda (U) Md Adieb bin Abd Rahman. 794 Lt Muda (U) Awangku Muhd Yazafaris bin Pengiran Hj Muhd Yamin. 795 Leftenan Muda (U) Muhammad Nor Aidi bin Abdul Razak

penghargaan

sekalung budi

Tentera Udara Diraja Brunei sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Royal Brunei Technical Services Sdn Bhd, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Jabatan Percetakan Kerajaan, Arkib Negara, Jabatan Penerangan, Radio Television Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Brunei Darussalam, Muzium Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan warga Tentera Udara Diraja Brunei yang bersara dan masih berkhidmat di atas segala sumbangan yang diberikan dalam menjayakan penerbitan Buku Tentera Udara Diraja Brunei 'BERBAKTI DI ANGKASA 1966-2008'.

Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei juga merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa dan warga Tentera Udara Diraja Brunei yang terlibat secara langsung mahupun sebaliknya bagi penerbitan Buku Tentera Udara Diraja Brunei 'BERBAKTI DI ANGKASA 1966-2008'.

RBTS
ROYAL BRUNEI TECHNICAL SERVICES
BRUNEI DARUSSALAM

RBTS Official Website

Royal Brunei Technical Services (RBTS)

An Integrated Value-Enhancing Equipment Procurement & Support Group

kumpulan produksi

PENAUNG	-	BRIGADIER JENERAL (U) DATO PADUKA HAJI MAHMUD BIN HAJI SAIDIN
PENASIHAT	-	KOLONEL (U) HAJI MUHD RASHID BIN ASUT
	-	KOLONEL (U) JOFRI BIN HAJI ABDULLAH
KETUA PENYELARAS	-	LEFTENAN (U) ZULKHAIRIN BIN HAJI IBRAHIM
PENYUNTING	-	KAPTEN (U) AWANGKU IRWANDI BIN PENGIRAN CHUCHU
GRAFIK	-	LEFTENAN (U) HASNUL ALWE BIN MATASSAN
AHLI	-	KAPTEN (U) DON GIOVANNI BIN HAJI ABD RAHMAN
	-	LEFTENAN (U) AWANGKU MOHD KHAIRUM BIN PENGIRAN HAJI SULAIMAN
	-	LEFTENAN (U) PENGIRAN MUHD MUFID BIN PENGIRAN HAJI UMAR ARIFFIN
JURUGAMBAR	-	KOPERAL (U) MOHD NORIMAN BIN MOHD ALI
ARKIB GAMBAR	-	PEJABAT PERISIKAN & KESELAMATAN TUDB


TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI
BERBAKTI DI ANGKASA